

Penerbit : Institut Analisa Sosial (INSAN)
Pencetak : Champion Printers Sdn. Bhd.

NADI Insan

JUN 1981
KDN 0088/81
ISSN 0126-9364
\$1.00

26
WAWANCARA:
TENGGU RAZALEIGH



- Pembangunan Pada Tahun 80an
- Masalah Selatan Thai
- Cabaran Terhadap Revolusi Iran
- Why People Hate Gen. Haig
- Dallas: Capitalism's Heroes

KE ARAH MANA DEMOKRASI?



Dennis Lau

NADI Insan

Para pembaca diingatkan bahwa bahan-bahan yang diterbitkan di dalam keluaran NADI INSAN ini tidak semestinya menggambarkan pendirian penerbit (INSAN) atau sidang Redaksi majalah ini.


Penerbit : Institut Analisa Sosial (INSAN)
Peti Surat 26, Kajang, Selangor.
Redaksi : Dr. Mohd. Nasir, Mohd. Daud, Rohana, Dr. Jomo
Pelukis : Jaseni, Lim.
Pencetak : Champion Printers Sdn. Bhd.
Pengedar : The New Straits Times Press (M) Bhd., Jln. Riong, K.L.

BILANGAN 26

JUN 1981

	2	Hj. Suhaimi: Pejuang Sekolah Tionghua
surat	3	Hari Puisi; Peristiwa Di Jerteh
wawancara	4	Tengku Razaleigh
nasional	9	Pindaan Undang-Undang
	12	Masalah Pembangunan Tahun 80an
antarabangsa	18	Why They Hate Haig?
	19	Roots of U.S. Terrorism
insan bulan ini	20	Mat Hassan, Pesawah Padi
antarabangsa	22	Masalah Selatan Thai
	27	Ke Arah Mana Revolusi Iran?
katun	30	Al Kisah Kapitalisme
sastera	34	"Bumi Manusia" Pramoedya
sajak	36	
seni	38	Dallas: Capitalism's Heroes
sastera	40	Keris Mas: Sastera & Politik

YBM Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan Malaysia dan Naib Presiden UMNO, dijangka akan mengambil kedudukan kedua dalam pucuk pimpinan UMNO dan negara apabila YAB Datuk Hussein Onn bersara nanti. Ikutilah wawancara *N/* dengan "Ku Li"



Masalah pembangunan ekonomi pada tahun lapan puluhan telah dibincang dalam satu persidangan di UKM baru-baru ini. Laporan-laporan dalam keluaran *N/* ini memberi perhatian kepada beberapa aspek penting sidang itu.

Pindaan-pindaan baru kepada Perlembagaan dan Akta Pertubuhan yang diluluskan oleh Parlimen pada bulan April lalu mempunyai implikasi yang amat serius terhadap masa depan amalan demokrasi di Malaysia, dan oleh itu, harus diikuti dengan teliti.



Pelari dari Selatan Thai di Malaysia telah menarik perhatian kepada masalah kedudukan penduduk-penduduk Melayu yang telah dipisahkan dari bangsa Melayu akibat dari persetujuan British-Siam pada awal abad ini.

JIMATKAN WANG
NADI TERUS
INSAN KE RUMAH
ANDA

6 bulan 1 tahun

Harga langganan \$5.50 \$10.00
Anda menjimatkan .50s \$2.00

BORANG LANGGANAN

Nama & Alamat _____

Sila kembalikan borang serta bayaran kepada:
INSAN, Peti Surat 26, Kajang, Selangor.

Di Luar Negeri	Mei Blasa	Mei Udara
Asia Tenggara —	MS16	MS24
Asia Selatan, Asia Timur, Australia New Zealand —	MS16	MS28
Timur Tengah, Eropah —	MS16 (£ 4)	MS36 (£ 9)
Afrika, Amerika —	MS16 (US\$8)	MS44 (US\$22)

(Langganan Setahun)

Pena Penyunting

Sekali lagi *Nadi Insan* menemui saudara pembaca. Dalam keluaran ini, kami hidangkan wawancara kami dengan YBM Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan yang bertanggung jawab merangka dan menentukan dasar belanjawan Malaysia sejak beberapa tahun yang lalu.

Apabila khabar angin mula bertiup sejak beberapa bulan lalu bahawa YAB PM Dato' Hussein Onn akan mengundurkan diri dari kerajaan dan UMNO, "Ku Li" pernah disebut sebagai orang yang mempunyai peluang paling cerah untuk menjadi timbalan presiden UMNO yang juga maknanya akan menjadi TPM Malaysia.

Kami juga menerbitkan rencana-rencana mengenai pindaan kepada Perlembagaan Malaysia dan Akta (Pindaan) Pertubuhan (1981) yang kedua-duanya membawa implikasi yang amat serius mengenai masa hadapan

amalan demokrasi ala Malaysia. Artikel kedua adalah terjemahan dari *Far Eastern Economic Review*, yang telah ditahan selama dua minggu.

Kami juga terbitkan beberapa rencana mengenai masalah pembangunan yang dihadapi oleh negeri kita kini. Rencana-rencana yang berikut memperbincangkan: harga barang-barang mentah dalam pasaran dunia, perubahan dalam perusahaan minyak, jurang pendapatan yang bertambah luas, perubahan dalam sektor persawah-padi, tahap kedua dasar perindustrian penggantian impot dan strategi pembangunan alternatif.

Dua topik antarabangsa yang kita muatkan dalam keluaran ini ialah masalah orang Islam keturunan Melayu di Selatan Thai dan latarbelakang menteri luar AS serta aspek dasar luar AS di bawah Reagan.

Selain dari itu kami muatkan juga beberapa rencana lain. Antaranya termasuklah beberapa cabutan dari novel *Bumi Malaysia* karya Pramoedya Ananta Toer yang baru terbit di Malaysia. Silalah ikuti kandungan seterusnya yang dimuatkan dalam keluaran kami buat kali ini. **NI**

Haji Suhaimi

Memperjuangkan Sekolah Tionghua?

Tindakan pemimpin Pemuda UMNO baru-baru ini, Datuk Hj. Suhaimi Hj. Kamaruddin untuk memperolehi peruntukan sebanyak \$1.7 juta demi keperluan pembangunan 7 buah sekolah rendah jenis kebangsaan Bahasa Tionghua telah menimbulkan persoalan mengenai tujuannya dan juga tentang "ketidakbolehan" MCA memperjuangkan pelajaran Tionghua.

Dalam satu kenyataan semalam, En. Loot Ting Yee, naib presiden Persatuan Guru-Guru Sekolah Tionghua Bersatu, menyatakan kehairanannya atas perkembangan ini.

Beliau mempersoalkan mengapa MCA tidak memperjuangkan kepentingan pelajaran Tionghua sedangkan ditugaskan kepada seorang pemimpin UMNO.

En. Loot menarik perhatian bahawa Datuk Hj. Suhaimi, yang juga Timbalan Menteri Pertanian, pernah meminta kerajaan melaksanakan

peruntukan Akta Pelajaran 1961 bagi menjadikan sekolah aliran Tionghua sekolah jenis kebangsaan sebelum pengundian ketua Pemuda UMNO pada Julai tahun lalu.

"Apakah sikapnya telah berubah ataupun beliau cuba mengelirukan perhatian umum?", En. Loot bertanya.

Datuk Hj. Suhaimi telah memimpin rombongan wakil 7 buah sekolah aliran Tionghua pada 30hb. April untuk bermesyuarat dengan Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Chan Siang Sun untuk memesan peruntukan kewangan — tindakan pertama seorang pemimpin UMNO demi kepentingan pelajaran Tionghua.

Di mesyuarat itu, beliau juga telah menyampaikan memorandum bersama kepada Datuk Chan serta menjelaskan keperluan kewangan 7 buah sekolah.

Para pemerhati mengatakan bahawa usaha Datuk Suhaimi telah

memalukan MCA. Yang anehnya, 7 buah sekolah berkenaan memerlukan seorang pemimpin UMNO untuk membela kepentingan masyarakat China yang kononnya diwakili oleh MCA.

Yang lebih ironis lagi, seorang pemimpin UMNO terpaksa merayu untuk kewangan daripada seorang timbalan menteri MCA demi sekolah-sekolah Tionghua. "Sebagai anggota BN, mengapa pula MCA terpaksa menggunakan jamuan malam untuk mendapatkan derma demi sekolah rendah Tionghua. Mengapa mereka tidak boleh memperolehi peruntukan yang lebih besar daripada kerajaan", En. Loot tanya.

Baru-baru ini, MCA telah menganjurkan "jamuan makan malam untuk 1,000 orang" untuk kewangan demi pemodenan dan pembangunan Sekolah Rendah Yuk Chyun. **NI**

SURAT DARI PEMIBACA



HARI PUISI ATAU PESTA KEBUDAYAAN?

Munira Melaka: Pada 16hb. hingga 18hb. April yang lalu, selama 3 hari berturut-turut telah berlangsung Hari Puisi Malaysia ke8 di Kem Kijang, negeri Cik Siti Wan Kembang. Hari Puisi tersebut dianjurkan oleh GAPENA bersama kerabat GAPENA sendiri, iaitu Persatuan Penulis-Penulis Kelantan (PPK).

Perkemahan puisi tersebut dihadiri oleh semua wakil-wakil badan pertubuhan penulis di seluruh Malaysia. Juga turut serta teman-teman penyair/penulis dari Indonesia, Thailand and Singapura. Dua buah kertaskerja dibincangkan di perkemahan tersebut: *Tradisi Islam Dalam Penciptaan Puisi* oleh Sdr. S. Othman Kelantan dan *Puisi Melayu Lama dan Moden: Satu Pergeseran Tradisi* oleh Sdr. Haron Mat Piah.

Memandangkan sambutan yang begitu menggalakkan daripada badan-badan/pertubuhan penulis dari seluruh ceruk pelusuk tanahair serta dengan kehadiran seorang wakil dari kedutaan Indonesia, kita memang mengharapkan agar Hari Puisi tersebut dapat memberikan kesan dan tanggapan yang positif pada semua yang hadir. Kita juga mengharapkan agar Hari Puisi tersebut dapat benar-benar memberikan pengertian yang bermakna serta dapat mencerminkan satu tradisi puisi yang berjiwa rakyat.

Kesan pertama yang menonjol dalam perkemahan tersebut ialah wujudnya ciri feudalisma. Ini ketara sekali semasa upacara peresmian-

nya. Adat berarak menjunjung sireh berserta dengan angkatan hulubalang, yang lengkap dengan lembingnya sekali, dengan diiringi pasukan yang membawa canang seolah-olah membawa kita ke zaman silam *sastera istana*. Ciri-ciri adat budaya lama istana tidak mencerminkan budaya dan kesenian rakyat.

Kita tidak menentang persembahan sambutan yang beridentitikan orang-orang Melayu tetapi janganlah persembahan sambutan diaturkan dengan cara terlalu formal dan berprotokol hingga terasa janggal.

Tujuan utama Hari Puisi ialah, antara lain, untuk memberi peluang penyair-penyair muda dan veteran memperlihatkan hasil karya-karya mereka. Juga untuk membincangkan sesama sendiri guna meningkatkan lagi mutu dan daya kreatif masing-masing dalam berkarya. Di samping itu juga memberi peluang yang baik untuk bertukar-tukar pendapat/pandangan dan pengalaman dengan penyair-penyair yang sudah *established*.

Malangnya, sepanjang hari pertama dan kedua Hari Puisi, kegiatan tersebut nampaknya telah diabaikan begitu saja. Sebaliknya, dipenuhi oleh persembahan-persembahan kebudayaan yang lebih bersifat hiburan.

Satu lagi yang menjadi tanda tanya ialah mengenai apakah fungsi serta relevannya makalah *Sinar Kelantan* disertakan bersama-sama kertaskerja untuk Hari Puisi? Memang tidak dinafikan ada kaitan/hubungan antara kesusasteraan dan

politik, tetapi janganlah dijadikan Hari Puisi tersebut alat satu-satu partai politik tertentu saja.

Tujuan dan fungsi asal Hari Puisi hendaklah dipertahankan.

Peristiwa Kampung Raja

Nordin Ramli, Jerteh: Pada malam Jumaat 7hb. Mei 1981, satu majlis perasmian pejabat PAS Kampung Keluang, Kampung Rajah, Besut, Trengganu telah diadakan. Ia bermula kira-kira pada pukul 7.30 malam dan dihadiri oleh kira-kira 10,000 orang. Perhimpunan ini mendapat kebenaran dari pihak berkuasa Balai Polis Kampung Raja Trengganu.

Majlis dijalankan secara aman. Pemimpin-pemimpin PAS telah memberi ucapan. Yang anihnya, pihak berkuasa telah mengadakan empat sekatan jalan raya dalam jarak 1½ batu dari tempat ceramah itu. Pasukan-pasukan polis dan askar telah dihantar ke tempat ini.

Askar-askar itu terdiri dari 24 buah trak, 4 buah *land rover*, sebuah bas, sebuah lori penjara dan 3 ekor anjing. Bilangan askar itu ialah lebih kurang 120 orang, polis seramai 50 orang dan 48 orang dari Gerakan Khas; mereka datang dari Pengkalan Chepa, lengkap dengan senjata automatik dan gas pemedih mata. Ketika orang ramai itu asyik mendengar ceramah, kira-kira pada pukul 9.30 malam, askar-askar itu telah memberi amaran supaya bersurai. Oleh kerana orang ramai tidak bersurai, mereka telah melepaskan gas pemedih mata.

Akibatnya seorang kanak-kanak berumur 5 bulan terbunuh, seorang lagi yang berumur 7 bulan pengsan, 7 orang tua cedera, sebuah rumah terbakar dan sebuah lagi roboh. Di samping itu, barang-barang lain, iaitu 2 pembesar suara, 2 *amplifier*, 2 *microphone*, 14 buah radio-kaset dan 4 beg duit dan barang kemas, telah hilang; 11 orang ditahan dan mungkin dua akan dibicara.



TENGGU RAZALEIGH

NI: Bila dan kenapa Tengku melibatkan diri dalam politik?

TR: Saya mula-mula terlibat dengan gerakan badan-badan sukarela semasa saya di sekolah lagi — bukan badan-badan di sekolah, tetapi badan-badan di luar sekolah, semasa saya di Kelantan dan di Perak. Itu diperhebatkan semasa saya di London. Masa itu, dunia sibuk dengan suasana revolusi di Algeria. Saya tertarik dengan perkembangan ini. Di United Kingdom sendiri, saya melibatkan diri dalam banyak badan tetapi saya tidak tertarik dengan kegiatan sosialis. Ketika itu saya menjadi setiausaha kepada Kesatuan Melayu United Kingdom (KMUK) dan kemudian menjadi presiden Malayan Students Union dan selalu mengambil bahagian aktif dalam gerakan politik. Saya juga terlibat dalam National Union of Students di United Kingdom itu.

Saya sering berjumpa dengan pemimpin-pemimpin Malaya ketika itu, seperti Tengku Abdul Rahman, Tun Razak, Tun Ismail dan lain-lain yang selalu datang ke London. Saya tertarik dengan langkah-langkah mereka. Apabila saya balik ke sini dalam tahun 1962, Tengku terus menugaskan saya ke Kelantan di mana UMNO telah mengalami kekalahan teruk di tangan PAS dalam tahun 1959. Kedudukan UMNO di Kelantan ketika itu amat teruk. Saya terpaksa menyusunnya semula dari bawah.

Saya tertarik kepada UMNO kerana orang Melayu mempunyai bakat tetapi miskin dan mesti diberi galakan. Jika mereka disekat untuk membaiki taraf hidupnya, selama itulah orang-orang Melayu akan terdedah kepada berbagai pengaruh yang boleh memecah-belahkan mereka. Jadi saya fikir patutlah menumpukan perhatian kepada rakyat yang miskin yang berhasrat hendak maju. Mereka memerlukan peluang dan asuhan untuk maju. Jadi saya fikir baik saya menyertai UMNO dan berusaha untuk membuka peluang ini.

KU LI:

BAKAL NO. 2?

Kongres Ekonomi Bumiputra

NI: Kongres Ekonomi Bumiputra (KEB) pada tahun 1965 selalu disebut sebagai titik permulaan tahap baru dalam perjuangan ekonomi orang Melayu. Apakah penglibatan Tengku dalam kongres itu?

TR: Saya terlibat secara langsung apabila Allahyarham Tun Razak menjemput saya ke dalam jawatankuasa permulaan, iaitu sebelum satu jawatankuasa khas untuk menganjurkan kongres itu ditubuhkan. Jika orang Melayu, terutama sekali yang di luar bandar tidak dibawa bersama dalam arus pembangunan ini untuk mendapat nikmat dari kemajuan yang dicapai oleh kita, maka negara ini tidak akan tenteram dan selamat.

Setelah dibincangkan masalah ini, Tun Razak memutuskan — setelah mengumpulkan idea dari semua pihak — untuk mencari penyelesaian bagi memberi kesedaran kepada rakyat Melayu dan Bumiputra untuk menyertai bidang baru tidak lagi sebagai petani atau nelayan. Di samping itu, kita juga hendak menambahkan Bumiputra dalam bidang profesional. Jadi KEB telah memberi penekanan yang khusus dalam soal latihan dan permodalan. Institut Teknologi Mara umpamanya telah ditubuhkan khusus untuk tujuan latihan. Saya telah menganggotai jawatankuasa pusat kongres itu.

NI: Berkaitan dengan golongan muda atau *Young Turks* dalam UMNO yang bergiat pada penghujung tahun 60an — iaitu sebelum peristiwa 13 Mei — bolehkah Tengku terangkan peranan Tengku dalam golongan itu pada masa itu?

TR: Walaupun saya muda, tetapi saya tidak pernah mencibur diri dalam kegiatan pemuda UMNO. Saya tidak menerima label *Young Turk* itu. Saya lebih cenderung kepada bidang ekonomi dan sosial oleh kerana saya fikir soal ekonomi adalah penting kepada negara yang sedang membangun seperti Malaysia, maka kepada bidang ekonomilah yang saya paling tumpukan pemikiran saya.

Dasar Ekonomi Baru

NI: Apakah peranan Tengku pada masa antara peristiwa 13 Mei dan pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB)?

TR: Saya tidak terlibat secara langsung dalam penggubalan DEB. Saya hanya dijemput sekali-sekala oleh Tun Razak untuk perbincangan. Sebelum itu, kami sudah merasa adanya tekanan dari golongan Melayu untuk mendapat nikmat kemerdekaan. Kerana itulah, KEB diadakan. Tanda-tanda adanya pertentangan antara golongan



Tokoh Kewangan

yang menguasai bidang politik dengan golongan yang menguasai bidang ekonomi telah dirasai ketika itu. Apabila keadaan ini diapi-apikan oleh golongan-golongan tertentu, maka peristiwa 13 Mei pun meletus. Ini tidak akan berlaku jika pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab tidak menggalakkan orang-orang mengganas dan membuas.

Tempoh antara KEB Pertama (1965) dengan KEB Kedua (1968) itu adalah singkat. Dalam tempoh ini, kerajaan masih belum dapat melaksanakan resolusi-resolusi kongres-kongres itu dengan sepenuhnya sehingga peristiwa 13 Mei berlaku. Apabila DEB digubal, ini menjadi sebahagian dari bahannya.

NI: Bagaimanakah Tengku terlibat dalam usaha penubuhan dan perkembangan perusahaan awam yang "meme-gang amanah" kaum bumiputra? Apakah itu merupakan buah fikiran Tengku?

TR: Ia tidak sepenuhnya dari fikiran saya. Sebenarnya ia adalah dari gabungan fikiran dengan kawan-kawan lain. Tetapi oleh kerana saya berlatarbelakangkan pendidikan ekonomi, maka saya lebih berminat di bidang ini. Kerana minat saya di bidang ini, maka saya telah diberi kepercayaan untuk mengendalikannya. Umapamnya, bila Bank Bumiputra ditubuh, saya diminta jadi pengerusi. Tapi

NADI INSAN, JUN 1981

saya tolak kerana ingin menumpu kepada politik di Kelantan. Hanya kemudiannya sahaja, apabila pengerusi pertamanya meninggal dunia, saya mengambilalih jawatan itu.

Di Bank Bumiputra, saya buat perubahan. Saya fikir peranan bank tidak hanya memberi pinjaman tetapi juga melatih tenaga-tenaga profesional. Di masa itu, penglibatan orang Melayu dalam kerjaya di bank sangat terhad. Jadi saya telah membuat rancangan latihan melatih mereka supaya menjadi kakitangan yang profesional.

Ketika itu, saya juga dilantik untuk mengendalikan Pernas. Pernas ketika itu berada dalam keadaan tenat dan hampir bangkrup. Saya susun semula Pernas. Saya berpendapat Pernas boleh menjadi alat untuk menambah modal bumiputra. Melalui Pernas kita telah mengambilalih syarikat-syarikat besar seperti London Tin, Sime Darby, Highlands and Lowlands dan banyak lagi syarikat, syarikat lain.

Begitu juga, kemudiannya saya telah dilantik untuk mengetuai Petronas. Di masa itu, saya telah diberi status sama seperti menteri kabinet kerana kepercayaan Tun Razak kepada saya dan juga kerana *seniority* saya dalam UMNO.

Nasionalis Ekonomi?

NI: Tengku sering dicap sebagai seorang *nasionalis ekonomi* mungkin berdasarkan peranan yang Tengku mainkan seperti disebutkan tadi dan juga dalam usaha menggubalkan Akta Pembangunan Petroliaam dan Akta Penyelarasan Perindustrian.

TR: Saya tidak terlibat dalam penggubalan Akta Penyelarasan Perindustrian tapi hanya dalam Akta Pembangunan Petroliaam kerana saya telah diminta merangka rang undang-undang ini. Saya sebenarnya bukanlah seorang *economic nationalist*, tetapi seorang *nationalist*. Oleh kerana saya dicampakkan ke bidang *business*, maka saya akan menari mengikut rentak. Jika ada syarikat yang menjalankan perniagaan di sini tetapi bermestautin di London, kenapa saya tidak boleh mengambilnya jika orang lain boleh berbuat begitu. Kita buat mengikut peraturan dan membayar harga yang ditetapkan. Di sini saya hanyalah *a practical businessman* yang bertindak didorong oleh pegangan faham nasionalis saya. Jadi anggapan yang saya seorang *economic nationalist* itu adalah pandangan orang saja.

NI: Jika sekiranya Tengku *naik pangkat* lagi dalam UMNO, apakah Tengku fikir ini akan menakutkan pelabur-pelabur asing?

TR: Saya tidak fikir saya akan menakutkan sesiapa. Semasa saya dalam Pernas, walaupun saya telah mengambilalih London Tin dan lain-lain, pelabur-pelabur masih datang. Semasa saya menjadi Menteri Kewangan ini pun, ramai lagi pelabur-pelabur luar datang membawa modal dan membesarkan kegiatan mereka di sini.



Bakal No. 1 & No. 2?

NI: Ada orang berpendapat bahawa dalam pucuk pemimpin UMNO sekarang, ada dua sayap. Pertama, yang mementingkan perkembangan perusahaan awam dan sebagainya dalam usaha menyusun semula masyarakat, dan keduanya yang mengharapkan pengusaha-pengusaha swasta. Apakah benar perbezaan dari segi tumpuan ini wujud, dan jika benar, apakah benar Tengku lebih mirip kepada jalan yang pertama tadi.

TR: Tidak benar. Ini adalah dasar parti dan dasar kerajaan pada masa ini. Setengah daripada kami ditugaskan untuk menubuh badan-badan amanah. Di samping itu, kami juga berpendapat elok juga diberi galakan kepada badan swasta. Jadi bergantunglah kepada tugas di kementerian mana seseorang itu ditempatkan.

Selagi orang-orang Melayu belum berkemampuan untuk menyediakan modal dan melabur, jadi kerajaanlah yang bertanggungjawab untuk menyediakan badan-badan ini untuk dimiliki oleh mereka di satu hari nanti apabila mereka berkeupayaan untuk melabur setelah mempunyai pengetahuan, pengalaman dan modal.

Kita juga mempertahankan dasar *free enterprise*. Di samping menekan kepada badan-badan amanah, kita juga menggalakkan penyertaan swasta. Pada segi lain, dasar *free enterprise* — di samping agama dan lain-lain — menjadi benteng utama menentang komunisma dan sosialisma. Apabila rakyat dapat mempertahankan sistem ini, maka mereka dapat menjaga dan mengekalkan negara ini dalam keadaan itu.

NI: Selepas kematian Allahyarham Tun Razak dalam tahun 1976, mengikut setengah pemerhati ada usaha-usaha dalam UMNO untuk melemahkan kumpulan Tengku sendiri. Apakah itu benar?

TR: Tidak benar. Apa yang dimulakan oleh Tun Razak disambung oleh Dato' Hussein. Pertentangan untuk menjatuhkan imej seseorang memanglah ada. Dan ini adalah biasa dalam parti-parti yang besar. Tapi ini tidaklah bererti ia hendak melemahkan apa yang telah bermula sebelum tahun 1976.

PAS & Kelantan

NI: Pada penghujung tahun 1977, PAS telah keluar dari Barisan Nasional, diikuti kemudiannya oleh penubuhan Berjasa. Dalam tahun 1978, UMNO telah menawan balik Kelantan. Ini sering disebutkan sebagai bukti kebolehan Tengku di bidang politik. Bolehkah Tengku mengulas tentang sebab-sebab kekalahan PAS dan mengapa ia keluar dari BN?

TR: Kekalahan PAS di Kelantan bukanlah disebabkan oleh saya, tetapi kerana kegagalan dan keangkuhan pemimpin-pemimpin PAS. PAS telah memaksa rakyat Kelantan menerima golongan pemimpin yang tidak dapat diterima oleh rakyat Kelantan, akibatnya telah menimbulkan huru-hara. Semua parti dalam BN, terutamanya UMNO, tidak terlibat langsung.

Apabila dinasihatkan oleh BN supaya melantik pemimpin lain, PAS tidak mengindahkannya, jadi keadaan darurat terpaksa diistiharkan dan Kelantan diperintah mengikut cara *mini-Mageran*; Ini dipandang oleh PAS sebagai usaha untuk mengambil kuasa dari tangannya. Datuk Seri Dr. Mahathir telah membuat satu formula penyelesaian untuk melantik seorang yang boleh diterima oleh semua pihak sebagai Menteri Besar, tetapi tidak dipersetujui oleh PAS.

Apabila undang-undang darurat dibentangkan di Parlimen, PAS menentanginya. Ini adalah melanggar tata-tertib kerana parti-parti ahli BN tidak boleh berbuat demikian. Jika ia dibiarkan, dia akan menjadi ikutan di kemudian hari, hal yang sama akan berlaku lagi. Jadi PAS terpaksa dikeluarkan dari BN. Golongan dalam PAS yang tidak berpuas hati dengan tindakan PAS ini telah menubuhkan Berjasa. Oleh kerana Berjasa sanggup bekerjasama dengan UMNO, maka ia diterima, sebab itu memang dasar kita. UMNO tidak terlibat dalam penubuhan Berjasa.

Semasa dalam BN, PAS tidak menunjukkan kerjasama yang sepenuhnya. PAS mengambil kesempatan untuk meluaskan pengaruh ke seluruh negara. Dia akan meninggalkan BN bila-bila masa apabila dia kuat.



Tengku Razaleigh membentangkan Belanjawan Negara

Rancangan Malaysia Keempat

NI: Kini RM4 baru dilancarkan. Mengikutnya, dalam tempoh RM3, kejayaan dari segi pembasmian kemiskinan amat baik, tapi di segi penyusunan semula — untuk mencapai matlamat 30% itu — kurang baik. Di segi lain pula, perbelanjaan di bidang ketenteraan akan meningkat dengan kadar yang besar, sedangkan kita semua sedar perbelanjaan ini tidak memberi hasil kepada rakyat. Di samping itu juga, kita dapati tumpuan dari segi peruntukan kewangan sekarang lebih cenderung kepada penyusunan semula dari pembasmian kemiskinan walaupun sebahagian besar dari kejayaan dari segi pembasmian kemiskinan disebabkan oleh harga bahan-bahan mentah yang tinggi di pasaran dunia. Bolehkan Tengku mengulas.

TR: Perkara ini telah dibincang dengan teliti dalam konteks dunia seluruhnya. Melihat kepada perkembangan-perkembangan dalam tahun 80an, kami telah membuat keputusan untuk mengambil langkah-langkah berikut. Pertama, peruntukan yang cukup untuk membesarkan angkatan tentera dan polis untuk menjamin keselamatan dan ketenteraman awam di negeri ini. Ini penting untuk menjamin rakyat hidup dalam suasana aman dan tenteram. Kepada dunia, ini akan menunjukkan negara kita berada dalam keadaan terkawal dan mereka melabur di sini dengan selamat. Ini dibuat berdasarkan kepada pergolakan yang berlaku di rantau ini.

Kedua, seperti yang saudara katakan tadi, harga bahan-bahan mentah di pasaran dunia tinggi, tetapi ini tidak bererti ia adalah faktor yang tunggal. Rancangan-rancangan kerajaan seperti penggunaan benih yang baik, pengenalan teknologi baru, baja dan lain-lain juga turut terlibat meninggikan daya pengeluaran secara langsung.

NADI INSAN, JUN 1981

Dari segi penyusunan semula masyarakat, tahap 30% itu nampaknya masih banyak ketinggalan, jadi kita fikir kita patut tekan di bidang ini.

Apabila penekanan diberikan di bidang ini, ini tidak bererti bidang lain ketinggalan kerana dasar ini biasanya kait-mengait antara satu dengan lain. Jadi golongan miskin juga akan mendapat faedah. Di samping itu, ia juga dapat memberikan faedah dalam jangka panjang. Ujudnya kestabilan akan membawa lebih banyak pelaburan, jadi lebih banyak peluang pekerjaan dibuka. Ini juga akan membantu dalam usaha menyusun semula masyarakat.

— Dari semasa ke semasa, peruntukan-peruntukan ini akan dikaji berdasarkan kepada pencapaian dan keadaan yang berlaku di rantau ini. Selepas satu masa, ada bahagian yang memerlukan perhatian yang lebih, sementara yang lain kurang sedikit. Tetapi pada keseluruhan, semuanya menuju ke arah pencapaian matlamat DEB.

Suasana Pelaburan

NI: Baru-baru ini, ada sebuah laporan dalam majalah perniagaan antarabangsa *Business Week* yang menimbulkan beberapa persoalan tentang masa depan ekonomi Malaysia. Antaranya, seorang pengurus asing syarikat antarabangsa mengatakan bahawa masalah perkauman yang belum selesai akan mengancam suasana pelaburan. Apakah ulasan Tengku?

TR: Tiap-tiap orang mempunyai pandangan masing-masing, tetapi kita akui perkauman adalah satu masalah yang besar yang tidak dapat diselesaikan dalam satu atau dua generasi. Ia bergantung kepada sikap rakyat dan bagaimana sikap persaudaraan ditanam kepada mereka. Tetapi ia bergantung juga kepada faktor-faktor sosial seperti peluang-peluang ekonomi, pelajaran dan lain-lain. Jika semua pihak mendapat peluang yang sama-rata, banyak dari masalah perkauman ini dapat diselesaikan. Masalah keselamatan juga dapat dikurangkan. Tetapi kini, kita berhadapan dengan masalah besar yang tidak dapat kita kecilkan dengan serta-merta. Ia melibatkan rakyat dan memerlukan masa bagi menyesuaikan dirinya kepada keadaan baru. Jadi kita akui masalah perkauman ada, dan kerana itulah, adanya DEB. Tetapi pendekatan kita adalah berlainan dari setengah pihak. Kita fikir inilah cara yang sesuai kerana dasar ini menjamin kestabilan politik yang membolehkan kita merancang dan menyesuaikan dasar itu dari masa ke semasa. Dengan adanya kestabilan politik, kestabilan ekonomi boleh dikawal dari masa ke masa.

Peluang pelaburan adalah baik. Baru-baru ini Chase Manhattan Study Group dalam kajian yang dibuatnya menyatakan dasar kerajaan Malaysia dalam lima tahun akan datang adalah terlalu konservatif. Kadar pertumbu-

han Malaysia adalah yang paling tinggi di Asia, *credit rating* Malaysia adalah tinggi dan ia menyebutkan bahawa suasana pelaburan adalah baik. Berdasarkan kepada perkara-perkara ini dan cara kita mengendalikan ekonomi kita, pelaburan pada masa hadapan akan terus bertambah.

Persaingan Dalam UMNO

NI: Dalam pertandingan untuk jawatan timbalan presiden UMNO — jika jawatan itu kosong — apakah terdapat isu-isu dasar atau hanya soal personaliti yang terlibat. Kalau ada isu dasar, apakah isu itu?

TR: Isu dasar tidak ada kerana kita semuanya mendukung dasar yang dari semasa ke semasa ditentukan oleh Majlis Tertinggi parti. Soal personaliti juga tidak timbul. Yang ada ialah soal kepercayaan — sama ada ahli UMNO lebih percaya dengan meneliti kepada keupayaan seseorang itu memimpin dan memberi pimpinan yang dikehendakinya.

Sesama kami sendiri pun tidak ada perbalahan. Saya dengan orang yang hendak bertanding itu adalah rapat. Hanya kami terpaksa tawarkan diri kami kepada ahli-ahli UMNO untuk memilih orang yang mereka suka.



"Ku Li" bersama timbalan-timbalannya

NI: Katakanlah soalnya ialah kepercayaan, tetapi apakah yang menjadi landasan kepada ahli-ahli UMNO yang datang ke perhimpunan agung itu nanti untuk memilih?

TR: Perkara ini susah hendak dinyatakan, tetapi ia mungkin bergantung kepada *track record* seseorang itu. Apa yang telah dibuatnya; bagaimana sikapnya dan bagaimana pula rancangan masa depannya. Itulah barangkali antara perkara yang akan dipertimbangkan oleh mereka.

NI: Antara nama-nama yang disebutkan untuk jawatan ini ialah Datuk Musa Hitam, Datuk Harun Idris dan Tan Sri Ghazali Shafie. Kalau pada satu ketika nanti Tengku sendiri memimpin UMNO, siapakah antara bakal calon ini yang Tengku akan pilih jadi orang nombor dua?

TR: Saya tidak boleh memilih kerana itu terserah kepada perhimpunan agung untuk memilih — seperti juga sekarang ini.

NI: Dalam perhimpunan agung yang akan datang ini, nampaknya Tengku menerima sokongan dari pihak peniaga besar dan kecil, dan setengah ahli profesional tetapi mungkin lemah sedikit dari segi pihak guru dan setengah pegawai dan teknokrat. Apakah ini benar?

TR: Tidak benar. Ini adalah kerana orang UMNO ini datangnya dari kampung dan bercampur aduk antara guru, petani, profesional dan teknokrat. Soalnya ialah sejauh mana seseorang itu percaya kepada orang itu boleh memimpin mereka. Kepada orang Melayu, soal kepercayaan sangat penting.

NI: Penggubalan pindaan undang-undang baru-baru ini seperti Akta (Pindaan) Pertubuhan dan lain telah menimbulkan keraguan kepada banyak pihak.

TR: Tujuan akta ini ialah untuk menentukan pertubuhan-pertubuhan itu berjalan dengan baik, mengikut undang-undang. Jika sekiranya mereka ingin menyuarakan pandangan mengenai politik, mereka tidaklah boleh menggunakan pertubuhannya itu sebagai tempat berlindung. Kalau mereka ingin melibatkan diri dalam politik, mereka mestilah memasuki pertubuhan politik dan bertanggungjawab langsung kepada rakyat, tidak kepada ahli pertubuhan mereka sahaja.

NI: Memandangkan betapa pentingnya soal taraf perkahwinan kepada masyarakat orang Melayu, patutlah kami timbulkan semula soal lama — bila nak kahwin?

TR: (*ketawa*) Bila ada jodoh.

NI: Terima kasih.

NI

Implikasi Pindaan Kepada Perlembagaan

Arif Kamil

Usaha-usaha kerajaan dalam beberapa tahun kebelakangan ini untuk memperkenalkan undang-undang baru dengan serta-merta memberi gambaran bahawa pihak pemerintah tidak mepedulikan hak individu yang terjamin dalam Perlembagaan Malaysia. Mengikut sebuah memoranda yang diterbitkan oleh Majlis Peguam Malaysia pada 7hb April 1981, undang-undang baru telah digubalkan, tanpa menghiraukan pendapat umum, dengan tujuan tidak lain dari menyekat tindakan-tindakan kerajaan serta pegawainya yang bertentangan dengan perlembagaan.

Mengikut memoranda itu, Artikel 5(4) Perlembagaan Persekutuan telah dipinda pada 1976 bagi menghapuskan hak seseorang yang ditangkap atau ditahan di bawah Restricted Residence Enactment supaya dia mesti dihadapkan di depan seorang majistret selewat-lewatnya 24 jam setelah ditahan.

Memoranda itu juga memberi banyak contoh lain yang menunjukkan bagaimana Perlembagaan Persekutuan telah dipinda beberapa kali untuk menggesahkan tindakan-tindakan kerajaan sebelumnya yang bertentangan dengan perlembagaan.

Satu usul yang diluluskan oleh Majlis Peguam Malaysia pada tahun 1976, yang telah menunjukkan ketidaksetujuannya dengan aturan-aturan pembicaraan baru, telah mengimbulkkan Legal Profession (Amendment) Act 1976, yang bertujuan membataskan hak peguam-peguam Malaysia mengutarakan ketidaksetujuan mereka secara bersama terhadap dasar dan tindakan kerajaan.

Pada tahun 1976, hak merayu kepada Privy Council atas perkara-perkara jenayah dan perlembagaan telah dihapuskan oleh Judicature (Amendment) Act 1976.



Dr. Mahathir: Pencadang Pindaan

Mengikut memoranda Majlis Peguam itu, usaha-usaha kerajaan dalam penggubalan undang-undang baru mencerminkan bahawa kerajaan tidak menghormati prinsip-prinsip asas demokrasi dan pemerintahan mengikut undang-undang. Mengikutnya, pindaan kepada Akta Pertubuhan serta artikel 89 dan 149 Perlembagaan Persekutuan merupakan satu langkah lagi mengurangkan kebebasan asasi yang terjamin.

Darurat Sukahati?

Mengikut pindaan kepada Artikel 150, DYMM Yang Di-Pertuan Agong berhak mengistiharkan keadaan darurat apabila ketenteraman awam terancam ataupun apabila beta berpuas hati bahawa terdapat bahaya terhadap keselamatan, kehidupan ekonomi atau ke-

tenteraman awam, walaupun peristiwa yang dikatakan merbahaya itu masih belum berlaku.

Mengikut memoranda itu lagi, oleh kerana dari segi undang-undang Artikel 150 perlembagaan, yang Di-Pertuan Agong itu bermakna kabinet, jika diluluskan, pindaan-pindaan ini akan memberi kerajaan kuasa tanpa had untuk memerintah tanpa kawalan Parlimen.

Pindaan-pindaan itu juga menjamin bahawa tindakan demikian oleh Yang Di-Pertuan Agong tidak dapat dipersoalkan dalam mahkamah. Ini bermakna bahawa kuasa pemerintah tanpa kawalan tidak dapat disekat:

Nampaknya, pengistiharaan darurat tidak pernah dibatalkan oleh Parlimen. Maka, ada kemungkinan bahawa undang-undang pada masa darurat boleh dijadikan undang-undang tetap; ini juga akan membolehkan penggubalan undang-undang dengan kuasa yang diberi oleh Ordinan Darurat.

Mengikut Majlis Peguam, kuasa-kuasa yang diberi dengan undang-undang baru tadi akan mewujudkan sebuah pemerintah *polis*. **NI**



Demokras Berparlimen Kurang Bermakna?

Keritikan Disekat Lagi



"King Ghaz": Apa tujuannya?

Kerajaan Malaysia baru-baru ini telah meluluskan satu undang-undang yang menghadkan kebebasan para pengkritik kerajaan secara keras. Mengikut undang-undang pindaan yang baru itu, iaitu Akta Pertubuhan (Pindaan) 1981, hanya ahli-ahli pertubuhan politik dan parti-parti politik yang berdaftar sahaja dibenarkan mengkritik hal ehwal pemerintah.

Walaupun tiada alasan-alasan tertentu yang telah dikemukakan terhadap pelaksanaan Akta tersebut, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Encik Sanusi Junid pernah berkata, 'Kita seharusnya menyedari strategi Barisan Bersatu Komunis (BBK), yang berpangkalan di Rusia, iaitu mempengaruhi pertubuhan-pertubuhan di negeri ini bagi mencapai niat jahat mereka untuk menimbulkan huru-hara.'

"Kerajaan telah mengenali pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang bergerak di negeri ini sebagai pertubuhan-pertubuhan kebajikan dan profesyenal, tetapi sebenarnya adalah BBK." Sebelum ini, undang-undang yang sama keras seperti pindaan Akta Pertubuhan ini pernah juga diluluskan, iaitu dalam tahun 1975, setelah penganas-penganas komunis membunuh beberapa anggota Pasukan Keselamatan di bebe-

rapa bandar di negeri ini.

Peguam-peguam telah mengemukakan bantahan mereka terhadap undang-undang tersebut, tetapi Peguam Negara pada masa itu, Tan Sri Abdul Kadir Yusof berkata dengan lantang sekali, "Ini adalah peperangan." Undang-undang yang dibentuk pada tahun 1975 ini mengenakan hukuman mati ke atas mereka yang didapati bersalah memiliki senjata api secara haram. Undang-undang ini diwujudkan bagi menyekat individu atau pertubuhan mendapatkan kuasa politik melalui kekerasan.



Kit Siang: Hari paling gelap

Undang-undang pindaan yang baru diluluskan ini pula, iaitu Akta Pertubuhan (Pindaan) 1981, bertujuan menyekat sebarang perasaan tidak puas hati terhadap pemerintah. Walaupun parti-parti pembangkang seperti PAS dan DAP telah menyatakan rasa tidak puas hati terhadap undang-undang tersebut di Parlimen, tetapi bantahan mereka telah diketepikan.

Pertubuhan pembaharuan sosial seperti Aliran, yang telah menghadapi ancaman akan ditarik balik pendaftarannya sejak tahun lalu, tidak boleh berjalan dengan baik; ianya mestilah mengadakan perbincangan-perbincangan secara tertutup dan tidak dibenarkan mengkritik kerajaan secara terbuka. Dewan Perniagaan juga tidak dibenarkan membuat tindakan secara terbuka menegur dasar-dasar kerajaan yang secara langsung menjejaskan mereka sendiri.

Akta pindaan ini juga mengistiharkan pertubuhan-pertubuhan politik sebegitu rupa, bagi menghindarkan beberapa pertubuhan yang wujud di negeri ini sekarang daripada menyokong atau mengkritik "sebarang parti politik atau calon yang akan bertanding di dalam sesuatu pilihanraya."

Pendek kata, pertubuhan-per-

tubuhan yang berkepentingan tidak boleh lagi menyatakan kedudukan politik mereka, melainkan pertubuhan tersebut menukar perlembagaan dan mendaftar sebagai pertubuhan politik.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie, pernah berkata bahawa pindaan akta tersebut adalah bertujuan bagi mengenali pertubuhan-pertubuhan politik. Di bawah pindaan akta ini, pertubuhan-pertubuhan yang didapati bersalah, tidak dibenarkan membawa kesnya ke mahkamah; mereka hanya boleh merayu pengampunan daripada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Para peguam, ahli sains politik dan pakar sejarah telah beberapa kali menimbulkan tandatanya, bukan hanya terhadap pindaan akta ini tetapi terhadap Pindaan Perlembagaan berikutnya yang telah diluluskan pada 10hb April tahun ini. Pindaan perlembagaan ini memberikan kuasa kepada Yang Di Pertuan Agong untuk mengistiharkan keadaan dharurat jika kabinet melaporkan bahawa keselamatan negara terancam.

Peristiharan Diraja ini tidak boleh ditentang di mahkamah. Ada kalangan yang menganggap bahawa pindaan-pindaan ini merupakan satu cara bagi kerajaan mengawal sebarang ketidakstabilan politik di dalam negeri. Mereka berpendapat



Peguam berarak ke Parlimen

bahawa kumpulan penentang kerajaan yang menampakkan tujuan mereka lebih senang diawasi dari pertubuhan seperti Aliran atau ABIM.

Aliran, umpamanya, di samping memuji kerajaan ada juga meng-

daripada menyandang jawatan-jawatan politik.

Menghadkan kebebasan untuk menyuarakan kritik secara terbuka, walaubagaimana pun, tidak mungkin dapat menyelesaikan masalah-masalah kerajaan. Kumpulan yang

Menghadkan kebebasan untuk menyuarakan kritik secara terbuka, walaubagaimana pun, tidak mungkin dapat menyelesaikan masalah-masalah kerajaan.

kritiknya. Walaupun kritik-kritik yang disuarakan oleh Aliran itu tidak mungkin akan menjejaskan kerajaan, tetapi mereka selalu berhujah bahawa dasar-dasar kerajaan adalah jauh dari sempurna. Pertubuhan seperti Aliran dan ABIM telah mendapat sokongan yang meluas sehingga pergerakan Pemuda Umno pernah menyatakan sokongan mereka kepada pertubuhan-pertubuhan ini. Sokongan Pemuda Umno terhadap Aliran sangat membimbangkan Kerajaan, walaupun ada yang menuduh bahawa sokongan tersebut adalah secara tidak langsung dibuat bagi menyatakan tentangan Pemuda terhadap pindaan akta itu yang akan menyekat *hero* mereka, Datuk Harun Idris

terdiri dari wakil-wakil 48 pertubuhan yang tidak bersetuju dengan pindaan akta tersebut, yang telah berjumpa dengan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sehari sebelum pindaan tersebut diluluskan, tidak mungkin akan berdiam-diam diri sahaja melihatkan akta tersebut dilaksanakan.

Malaysia mempunyai lebih kurang 14,000 pertubuhan yang berdaftar meliputi beribu-ribu ahli yang separuh darinya telah menyatakan niat mereka untuk memasuki gelanggang politik setelah berpendapat bahawa perjuangan mereka melalui pertubuhan-pertubuhan tidak akan berkesan dengan adanya pindaan akta ini.



Anwar: "Menteri tidak menemui perwakilan"

MASALAH PEMBANGUNAN

Jurang Pendapatan Bertambah Luas

Mengikut Prof. Madya Ishak Shari dan Dr. Jomo K.S. ketaksamaan dalam jurang pendapatan di Semenanjung Malaysia telah bertambah luas bagi semua kaum dan juga bagi kawasan bandar dan desa sejak Merdeka.

Bahagian dari jumlah pendapatan yang diperolehi oleh 20% isi rumah atasan telah bertambah dari 48.6% pada 1957/58 kepada 55.9% pada 1970 dan 61.9% pada 1976. Sebaliknya, bahagian pendapatan yang diperolehi oleh 40% orang bawahan telah merosot dari 15.9% pada 1957/58 kepada 11.6% pada 1970 dan 10.7% pada 1976.

Penambahan dalam jurang perbezaan pendapatan adalah paling teruk sekali bagi kaum Melayu dalam zaman lepas penjajahan. Ini mungkin juga merupakan akibat daripada usaha-usaha pemerintah bagi memajukan sebahagian dari kaum Melayu, terutama sekali mereka di peringkat majikan dan iktisas, usaha-usaha ini barangkali telah memperluaskan jurang pendapatan antara mereka dan kaum tani Melayu.

Dengan perkembangan seumpama ini dalam semua kaum, mereka hairan mengapa fahaman-fahaman perkauman masih kuat. Mereka juga dapati bahawa pengenaan cukai bagi tahun 70an telah memperburukkan lagi agihan pendapatan selepas cukai kalau dibandingkan dengan sebelum cukai. Mereka dapati bahawa sistem cukai menjadi lebih tak saksama antara tahun 1968 dan 1973. Angka-angka pada tahun 1979 lebih kurang menyerupai keadaan pada tahun 1973.

Perbelanjaan kerajaan untuk per-

khidmatan sosial seperti pelajaran, juga telah memperburukkan ketidaksamaan! Pola agihan perkhidmatan dan subsidi oleh pemerintah juga tidak saksama; misalnya, siswasiswi pada peringkat lepas sekolah menengah — yang akan menikmati pendapatan lumayan selepas meluluskan pelajaran berkenaan — menikmati subsidi yang jauh melebihi subsidi untuk peneroka tanah atau penanam padi.

Mereka juga telah menunjukkan bagaimana cukai eksport terhadap getah memberi kesan buruk kepada pekebun kecil, mereka ini terpaksa membayar cukai yang sama banyak dengan cukai pendapatan seorang yang memperolehi pendapatan sepuluh kali ganda! Pengenaan cukai yang sama terhadap semua jenis getah juga merugikan pekebun kecil yang biasanya mengeluarkan getah yang bermutu lebih rendah.

Didapati juga bahawa pekebun kecil getah telah menanam semula dengan kadar yang perlahan kalau dibandingkan dengan estet; maka faedah dari skim penanaman semula kepada mereka jauh lebih kurang dari apa yang dinikmati oleh estet. Sebenarnya, pekebun-pekebun kecil telah menyumbangkan jumlah cukai penanaman semula yang melebihi apa yang telah diberikan kepada mereka, kononnya sebagai subsidi untuk menanam semula.

Strategi perindustrian berorientasi eksport yang menggantikan strategi penggantian impot pada penghujung tahun-tahun 60an, telah mengujudkan lebih banyak peluang pekerjaan tetapi, ia juga telah mengurangkan kadar upah pada awal dan pertengahan tahun 70an.

Di samping itu, ketidaksamaan di kalangan pekerja industri, terutama sekali antara pekerja kilang dan pekerja lain, juga telah bertambah.

Secara langsung atau tidak langsung, kedua-dua dasar perindustrian telah membebankan rakyat dengan cukai demi kepentingan sektor industri, yang sebahagian besarnya dimiliki oleh pelabur asing. Nampaknya, kejayaan strategi perindustrian masa kini bergantung kepada pengawakan pemerintah terhadap kaum pekerja melalui undang-undang dan sebagainya.

Penulis-penulis berkenaan juga telah mempersoalkan sifat dan peranan pemerintah terhadap soal agihan pendapatan. Nampaknya, pemerintah tidak hanya mengukuhkan struktur sosio-ekonomi yang menyebabkan ketidaksamaan pendapatan yang teruk, tetapi juga telah memperburukkan ketidaksamaan pendapatan (misalnya, melalui pengenaan cukai yang tidak adil) dan juga kebajikan ekonomi (misalnya, melalui peruntukan perbelanjaan awam).

Ini tidak bermakna bahawa reformasi yang lebih adil tidak boleh dilaksanakan oleh pihak pemerintah. Tetapi mengikut pengalaman setakat ini, reformasi-reformasi demikian barangkali hanya dapat dicapai melalui desakan orang ramai (seperti tunjuk perasaan dalam bulan Januari 1980 di Alor Star oleh penanam padi yang telah berjaya menaikkan harga padi.) asalkan perubahan berkenaan tidak mengugutkan kepentingan pihak berkuasa. **NI**

Punca Masalah Pengeluaran Padi: Hubungan Manusia Dan Tanah

Dr Mokhtar Tamin, professor ekonomi desa di Universiti Malaya, telah menarik perhatian kepada anggaran Kementerian Pertanian bahawa lebih dari dua juta ekar tanah pertanian diabaikan kini. Dari jumlah ini, 400,000 ekar adalah tanah padi. Keadaan tanah terbiar adalah akibat kekurangan infrastruktur pertanian dan saiz kebun yang tidak ekonomik.

Mengikut Tan Sri Datuk Arshad Ayub, 48% dari keluarga dalam sektor pertanian memperolehi pendapatan di bawah garisan kemiskinan. Langkah utama demi menaikkan pendapatan pertanian ialah dengan meningkatkan daya pengeluaran, misalnya dengan memperkenalkan jentera bagi mengatasi kekurangan tenaga buruh.

Dasar-dasar pertanian untuk meningkatkan daya pengeluaran tanah serta buruh telah mencapai kejayaan di kawasan-kawasan tertentu, misalnya di kawasan perairan Muda di Perlis dan Kedah, dan juga di kawasan utara Seberang Prai. Maka keperluan beras tempatan yang dapat dibekalkan dengan pengeluaran tempatan telah meningkat dari 66% pada 1955 kepada 93% pada tahun 1974.

Walau bagaimanapun, Prof. Mokhtar tidak begitu yakin bahawa Malaysia dapat mengeluarkan 80% dari keperluannya menjelang tahun 1990; mengikutnya, sekatan-sekatan tertentu akan menghalang pencapaian kadar pengeluaran sebanyak 88% dari keperluan tempatan pada tahun 2000.

Teknologi Berat Sebelah?

Sambil kejayaan yang cemerlang telah dicapai dari segi pengeluaran, teknologi pengeluaran padi baru telah mengakibatkan perubahan dalam struktur masyarakat tani sen-

diri; pola baru itu dipengaruhi oleh perbezaan-perbezaan dahulu.

Antara perkembangan-perkembangan yang penting ialah: Pertama, petani-petani kaya yang dapat menggunakan kawasan yang lebih luas sedang menggunakan lebih banyak tenaga buruh yang dibayar dengan upah. Sebaliknya mereka yang tidak dapat menggunakan kawasan tanah yang luas secara persendirian terpaksa memperolehi sebahagian daripada pendapatan mereka dengan mencari upah. Maka tenaga kerja telah menjadi barangan dan kemampuan membeli barangan itu merupakan punca keuntungan bagi segelintir sedangkan kesanggupan menjualnya adalah punca pendapatan bagi golongan lain.

Kedua, tekanan-tekanan yang pernah meningkat kadar upah dahulu, yang disebabkan oleh penanaman dua kali setahun, telah hilang akibat dari pengenalan jentera-jentera menuai secara meluas.

Ketiga, pengenalan mesin-mesin menuai telah memberi kesan yang besar terhadap kedudukan buruh tani, terutama sekali terhadap kaum wanita.

Keempat, oleh kerana kebanyakan pemilik mesin menuai ini terdiri dari orang bukan petani, peniaga-peniaga berkenaan, biasanya dari bandar, dapat merebut peluang keuntungan dari perkembangan baru ini.

Kelima, nasib malang petani, aki-

bat dari pengenalan teknologi yang kononnya menguntungkan mereka, telah memaksakan pemerintah melaksanakan usaha-usaha lain, termasuk skim subsidi dan harga padi terjamin, untuk meningkatkan pendapatan di sektor penanaman padi.

Pihak yang telah menikmati faedah terbesar dari *revolusi hijau* ini di sektor padi ialah mereka yang menguasai jentera dan bahan kimia (baja dan racun) yang perlu untuk melengkapi sistem perairan dan perkhidmatan pengembangan (termasuk pengedaran benih berhasil tinggi) yang dianjurkan oleh pihak kerajaan.

Kajian mengenai skim perairan Muda telah menunjukkan bahawa ketidaksamaan di kalangan penduduk kawasan itu telah bertambah; aliran modal keluar kawasan itu telah meningkat setelah revolusi hijau.

Sebahagian besar dari pendapatan tambahan dari kenaikan dalam pengeluaran terpaksa dibelanjakan untuk kos pengeluaran yang jauh lebih tinggi. Oleh itu, harga padi minima yang dijamin oleh pemerintah dan subsidi-subsidi lain merupakan faktor utama yang dapat meningkatkan pendapatan penanam padi.

Usaha pemerintah tertumpu hanya kepada kenaikan dari segi daya pengeluaran sahaja sedangkan masalah yang berkaitan dengan kelaparan tanah tidak diutamakan **NI**



BARANG UTAMA: Menguntungkan Siapa?

Sebahagian besar dari eksport Malaysia masih merupakan barangan utama. Walaupun barangan buatan untuk eksport telah bertambah dengan pesat dalam tahun 70an, lebih kurang 75% dari eksportnya masih merupakan bahan mentah, terutama sekali minyak, getah, minyak sawit, balak dan timah.

Semenjak 1973, akibat dari tindakan OPEC, harga minyak telah meningkat dengan pesat. Soal yang timbul ialah: jika harga minyak

nan besar tujuan ini tidak akan tercapai. Kesulitan untuk menstabilkan harga jauh melebihi faedah, dan harapan dari segi harga barangan utama tidak menggalakkan. Minyak mengikutnya merupakan kes khas.

Tindakan OPEC pada awal tahun 70an telah disokong oleh pemerintah Amerika Syarikat demi kepentingan AS sendiri; selain dari itu, minyak mempunyai ciri-ciri istimewa sebagai barangan yang sesuai untuk tindakan bersama oleh pihak

Penyelesaian kepada masalah kemiskinan bagi rakyat Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran barangan utama dalam jangka masa panjang hanya akan tercapai melalui pengembangan kuasa mereka terhadap pengeluaran serta keuntungan.


Implikasi Perubahan Dalam Perniagaan Minyak

Mengikut Dr. Petter Nore dari Kementerian Tenaga, Norway, hubungan-hubungan antarabangsa yang berkaitan dengan minyak telah banyak berubah dalam dekad yang lalu. Kuasa syarikat-syarikat gergasi minyak telah berkurangan, sedangkan kuasa pemerintah serta perbadanan minyak negara berkenaan telah bertambah.

Pada awal tahun 70an, syarikat-syarikat minyak gergasi memiliki lebih kurang 70% dari pengeluaran minyak di dunia. Sekarang, angka ini tidak melebihi 20%. Perubahan-perubahan yang serupa, walaupun lebih perlahan, sedang berlaku dalam bidang penapisan petrokimia.

Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat minyak gergasi telah dapat mengekalkan kuasa mereka terhadap sumber minyak untuk jangka masa panjang. Mereka masih dapat membeli setengah dari hasil minyak dunia melalui kontrak panjang atau sederhana.

Walau bagaimanapun, persetujuan antara kerajaan demi tujuan ini, yang dapat mengelakkan *monopoli* syarikat-syarikat gergasi, sedang menjadi lebih penting, sedangkan syarikat-syarikat minyak pemerintah dapat memasarkan bahagian yang lebih besar dari hasil minyaknya. Perkembangan-perkembangan ini telah menimbulkan beberapa persoalan baru bagi negeri-negeri yang mengeluarkan minyak.



Kilang Minyak Sawit

dapat dinaikkan melalui tindakan bersama para pengeluar, mengapa pula Malaysia dan negeri sedang membangun lain tidak boleh meningkatkan harga getah, timah, minyak sawit, balak dan seterusnya?

Dr. C.B. Edwards telah menekan bahawa pada pertengahan tahun 70an, harapan inilah yang telah menimbulkan tuntutan UNCTAD untuk mengujudkan susunan ekonomi dunia yang baru. Salah satu langkah penting yang terlibat ialah rancangan bersatu untuk barangan, yang bertujuan untuk menstabilkan dan meningkatkan harga barangan utama.

Minyak: Barangan Istimewa

Mengikut Edwards, kemungki-

pengeluar. Oleh kerana ciri-cirinya tidak dipunyai oleh barangan utama yang lain, tindakan seumpamanya sukar diulangi.

Jika kestabilan tidak memberi faedah ekonomi dan tindakan bersama sukar berjaya, apakah usaha lain yang masih terbuka? Pemerosesan untuk eksport masih disekat oleh cukai-cukai perlindungan di negeri-negeri maju dan juga oleh harga pengangkutan yang tinggi. Pemerosesan untuk pengguna tempatan juga tidak mempunyai harapan yang cerah oleh kerana pasaran tempatan agak terhad.

Maka, mengikut Edwards, walaupun susunan ekonomi yang baru diperlukan, ianya tidak akan dicapai melalui usaha-usaha UNCTAD.


Persoalan-persoalan Baru

Soal pertama ialah pergantungan dari segi teknologi. Dalam keadaan di mana minyak dihakmiliknegara-kan, syarikat-syarikat antarabangsa masih mengawal pembekalan teknologi. Tetapi terdapat juga cara-cara lain untuk mendapat-teknologi ini.

Kita harus menyedari hakikat bahawa syarikat minyak jarang sekali mempunyai teknologi yang dikehendaki itu. Mereka biasanya merupakan pihak perantaraan antara syarikat minyak pemerintah dan syarikat-syarikat kepakaran yang khusus.

Maka, syarikat minyak pemerintah boleh memperolehi teknologi yang dikehendaki secara langsung dalam pasaran antarabangsa. Walau bagaimanapun, strategi ini mempunyai masalah. Pergantungan sebuah negeri pengeluar minyak akan berpindah dari syarikat minyak gergasi kepada syarikat kepakaran berkenaan.

Soal yang kedua ialah masalah yang timbul akibat dari penambahan pendapatan dari minyak dalam ekonomi yang sedia ada. Setakat ini, pengalaman dalam hal ini amat mengecewakan. Walaupun pengeluaran minyak membawa faedah-faedah tertentu, misalnya dari segi imbalan bayaran, biasanya ia juga menggalakkan inflasi, rasuah dan kemerosotan sektor lain dalam ekonomi, seperti pertanian. **NI**



Pelantar Menggali Minyak

Penggantian Impot: Strategi Perindustrian Bagi Tahun Lapan Puluhan?

Seorang ahli ekonomi Bank Negara, Dr. Tan Tat Wai telah menuntut supaya dasar penggantian impot peringkat kedua menjadi dasar perindustrian Malaysia bagi tahun 80an. (Penggantian impot di sini bermaksud pembuatan barang-barang pengguna yang biasa diimpot, yang pernah menjadi dasar perindustrian Malaysia pada awal tahun 60an.)

Akibat dari beberapa masalah, terutama sekali kesempitan pasaran tempatan dan kadar pengangguran yang bertambah, dasar perindustrian ini telah diganti dengan dasar yang bertujuan eksport. Dengan perubahan ini, industri-industri yang mengeluarkan barang-barang pembuatan untuk pasaran asing digalakkan. Beberapa usaha, termasuk penubuhan FIDA dan pengubalan Akta Perangsang Industri, telah dilakukan demi tujuan ini.

Mengikut Dr. Tan, dasar penggantian impot baru boleh berjaya, memandangkan pasaran tempatan telah bertambah luas dan pendapatan purata telah meningkat. Perkembangan-perkembangan ini telah mengakibatkan tambahan impot yang besar, terutama sekali pada penghujung tahun 70an.

Memandangkan masalah dan pentingnya sektor perumahan dan pembinaan, Dr. Tan mencadangkan strategi penggantian impot itu patut menekankan pengeluaran bahan-bahan pembinaan serta barang-barang pengguna tahan lama, alat-alat pengangkutan dan barang-barang separuh siap untuk pengilang-pengilang tempatan.

Untuk menjayakan strategi seumpama ini, beliau telah menarik perhatian kepada masalah yang akan dihadapi. Misalnya, kawasan

tanah yang luas harus diiktirafkan untuk perumahan jika dasar perumahan akan dapat berjaya.

Kawalan terhadap harga dan pembatalan cukai-cukai terhadap bahan-bahan pembinaan yang diimpot harus dilaksanakan bagi menjayakan dasar ini. Perlindungan harus juga diberi kepada industri-industri baru, tetapi Dr. Tan telah menegaskan bahawa perlindungan ini harus diberi hanya buat jangka-masa yang pendek.



Kilang Elektronik

Perkara ini adalah amat penting memandangkan hitungan Dr. C.B. Edwards bahawa pada tahun 1970, perlindungan telah menaikkan harga barang-barang sebanyak 50% dari \$600 juta ke \$900 juta. Memandangkan bahawa lebih daripada 60% dari sektor perkilangan dikuasai oleh pelabur asing, dasar perlindungan ketika itu telah memberi faedah besar kepada industri-industri asing.

Mengikut Datuk Lew Sip Hon, Timbalan Menteri Perdagangan & Perindustrian, kerajaan telah mengutamakan kemajuan industri perumahan. Walaupun istilah penggantian tidak digunakan, mengikutnya, dasar kerajaan masakini sudah mula menekankan cadangan Dr. Tan itu.

Dasar perindustrian bertujuan eksport yang diamalkan kini telah dikecam oleh beberapa peserta persidangan itu. Mengikut Edwards

lagi, faedah kepada Malaysia dari segi pendapatan nasional dari industri-industri di kawasan perdagangan bebas tidak melebihi 1% dari pendapatan nasional walaupun lebih kurang 250,000 orang bekerja dalam kilang-kilang berkenaan.

Di samping itu, kemahiran kerja yang diperolehi oleh pekerja-pekerja kilang elektronik tidak banyak berguna dan tidak dapat digunakan dalam industri-industri lain. Kilang-kilang di Malaysia hanya merupakan sebahagian dari proses pengeluaran antarabangsa; bahan-bahannya diimport dan keluarannya diekspor.

Maka, sumbangan kepada pendapatan nasional hanya datang daripada upah murah yang diterima oleh pekerja serta bayaran lain untuk tapak kilang dan perkhidmatan-perkhidmatan. Oleh kerana kilang-kilang banyak menggunakan bahan-bahan yang diimport, kejayaan industri-industri seumpama ini tidak menggalakkan industri-industri lain yang berkaitan. Maka hubungan berpadu antara industri, yang amat penting bagi mengujudkan sektor industri yang dinamis dan maju, tidak dapat timbul.

Dr. Tan telah mencadangkan bahawa industri-industri yang menggunakan sumber-sumber asli harus dimajukan; mengikutnya, industri-industri berasaskan kayu mempunyai banyak potensi. Tetapi mengikut Gurmit Singh, seorang peserta lain, tumpuan pada industri yang menggunakan kayu akan mempercepatkan lagi kadar permusnahan hutan rimba kita.

Walaupun bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa dasar perindustrian yang dapat mengujudkan sektor industri yang berpadu, berdikari dan bebas patut diutamakan, dan juga bahawa ekonomi-ekonomi maju masakini telah berkembang berasaskan struktur industri yang menekankan pasaran tempatan, cadangan yang diutarakan itu adalah amat penting untuk dipertimbangkan. **NI**

Apakah Strategi Pembangunan Kini Menasabah?

Mengikut Professor Madya Dr. S. Husin Ali dari Universiti Malaya, pemerintah sekarang bertujuan mengujudkan kaum kapitalis Melayu yang dapat bertanding bersama kaum kapitalis bukan Melayu; dasar pembangunan ini hanya akan memperkukuhkan kedudukan pihak-pihak yang berkuasa dalam masyarakat.

Mengikutnya lagi, soal pembasmian kemiskinan bukan hanya melibatkan soal peruntukan kewangan. Yang jauh lebih penting ialah soal apakah kemiskinan dapat dihapuskan selama puncunya, eksploitasi tidak dibasmikan.

Mengenai tujuan penyusunan semula masyarakat, ini telah berjaya meningkatkan bilangan orang Melayu yang berniaga. Tetapi dalam jangka masa panjang, ini hanya akan memperkukuhkan kedudukan orang Melayu yang kuat di golongan atasan menengah.

Pencapaian matlamat 30% dari jumlah saham bagi orang Melayu tidak akan memberi faedah kepada kebanyakan orang Melayu yang merupakan petani atau pekerja. Sebaliknya, ini hanya akan memberi faedah kepada mereka yang sudah kaya dan kepada mereka yang mempunyai kaitan dan pengaruh politik.

Matlamat pembangunan tidak patut hanya mengutamakan kadar pertumbuhan yang tinggi. Tujuan lain seperti penghapusan kuasa asing terhadap ekonomi kita, penumpuan harta, ketidaksamaan sosial, kemiskinan, pengangguran, pertentangan antara golongan atau kaum dan rasuah juga harus ditekankan.

Dasar menghakmilknegarakan perusahaan-perusahaan utama seperti minyak, pengujudan koperasi dalam bidang pengeluaran dan pemasaran hasil pertanian juga harus ditekan. Reform agraria, termasuk reform tanah yang menyeluruh, juga adalah perlu bagi mengubah sistem hakmilik dan penyewaan tanah yang sedia ada.

Dua orang pensyarah ekonomi UKM, Hasnah Ali dan Yusof Kasim, telah mengutarakan strategi keperluan asas terhadap pembangunan. Mengikut mereka, Malaysia patut berdikari dari segi pengeluaran bahan makanan, mengurangkan ketidaksamaan antara kelas sosial dan juga antara penghuni desa dan pen-



duduk bandar sambil memindahkan industri ke kawasan desa bagi mengurangkan penghijrahan dari desa ke bandar.

Dr. Mohd. Nor Ghani, Ketua Pengarah MAMPU, telah membincangkan beberapa pendekatan baru untuk mengatasi kesan-kesan buruk dari pembangunan seperti kehendak-kehendak yang melambung dan sikap pergantungan terhadap pemerintah. **NI**

UNTUK NUSA DAN BANGSA

WATON

K.D.N. 0080/80

399-A, Jalan Tuanku Abdul Rahman,
Kuala Lumpur.
Tel: 980044.

Cable: WATANIAH Kuala Lumpur
P.O. Box 2454

WHY PEOPLE HATE HAIG

Kevin Kelley

A few of General Alexander Haig's traits should be quite obvious — he's loyal enough to follow any and all orders, vicious enough to steer the country into war, and slippery enough to be confirmed as Secretary of State.

Haig hasn't risen in the U.S. political establishment by being an independent thinker or a straightforward nice guy. On the contrary, he has made a virtue of obsequiousness and has transformed the stab-in-the-back into an art form.

After using his uncle's influence to gain entry to West Point in the 1940s, Haig initially wheedled his way out of obscurity by acting as a faithful lap-dog to Gen. Douglas MacArthur in Korea. As an eager aide-de-camp, Haig supposedly volunteered to crawl through enemy lines so that he could toss a hand grenade into MacArthur's personal quarters which had been captured by the North Koreans. He took on this assignment in order to fulfill MacArthur's request that "no 'Chink' will be able to lie back in my bathtub."

Even if it's apocryphal, this story typifies Haig's career. He has consistently shown himself willing and able to go to any lengths — no matter how demeaning or reprehensible — in order to please his commander.

Clinging To Kissinger

Haig began his climb through the executive bureaucracy by clinging to Henry Kissinger as he clawed his way upward in the early 1970s. This close identification with Kissinger has proven both helpful and harmful to Haig — helpful because it eventually positioned him next to Richard Nixon's ear, and harmful because it would later be used as an indication of "softness"

by some of the reactionaries around Ronald Reagan.

Haig may be deceitful, but he is not stupid. When it seemed likely to aid his ambitions, Haig emphasized his closeness to Kissinger, saying at one point that he was merely "an extension" of the former secretary of state's political views. More recently, however, when it was clear that an association with Kissinger would turn superhawks in the Reagan camp against him, Haig publicly stressed his more jingoist inclinations. Retracing his role in planning the war against Vietnam, Haig said he had told Kissinger: "Had dramatic steps been taken very early on that clearly showed Hanoi and the Soviet Union the cost of the war, U.S. involvement wouldn't have been necessary."

As a key architect of U.S. war policy during the Nixon administration, Haig had the chance to implement these sort of suggestions. He was a strong advocate of the secret bombing campaign against Cambodia and of the B-52 raids on Hanoi and Haiphong during Christmas 1972. Technical illegality in the conduct of foreign policy has never fazed Haig very much, as is evident from these urgings and from his role in plotting the CIA-backed overthrow of the Allende regime in Chile in 1973.

Nixon Favourite

This record soon found personal favour with Nixon, who made Haig his second-in-command as the Watergate noose closed around the White House. By his own account, Haig spent almost all his 20-hour days as Nixon's top aide in trying to somehow help his boss wriggle out of the scandal.

Again, nothing was too much to ask of Haig. At the time of the *Saturday night massacre* in 1974, Nixon instructed him to relay the dismissal of the Watergate special investigator. Haig gladly complied, telling a reluctant official that "your commander-in-chief is giving you an order."

As the end approached for Nixon despite these desperate moves, Haig began to look for a deal that would at least spare his boss a prison term. Haig told then-Vice President Gerald Ford that the presidency would be his if he agreed to pardon Nixon after taking office.

The general thought he had arranged a final coup for Nixon until Ford called the next day to tell him that it couldn't be done — the deal was too risky and too rife with dangerous political implications. At least that's what Ford's aides say happened. Whatever transpired, Nixon was in fact pardoned one month after Ford took over as President.

Nixon clearly has a good reason to look kindly upon Haig. The disgraced former President has reportedly lobbied long and hard with Reagan for Haig's nominations as Secretary of State. New York Times columnist William Safire wrote for example, that Nixon has personally praised Haig's "deviousness, ruthlessness and other virtues."

For many figures, no matter how sycophantic, Nixon's endorsement might well be a kiss of death. Not so for Haig who is sufficiently wily and well-connected to have emerged as the favourite candidate for Secretary of State of Nixon, Kissinger and their political foes on the far-right.

Haig's coziness with the rougher reactionaries around Reagan is a curious case and a proof of his consummate ability to maneuver. Despite his long association with the hated Kissinger and the policy

of detente, Haig has reportedly promised Helms that he would initiate a far-reaching ideological purge at the State Department should he become its chief.

If Haig is really serious about such a house-cleaning, it will mark a significant shift in the U.S. foreign policy-making apparatus. For the past two decades, the State Department has generally served as a center of comparative moderation, with its career diplomats and Democratic liberals trying to ward off the harder-line views emerging from the Pentagon and the National Security Council. A State Department populated with far-right functionaries would probably make it much easier for the more chauvinist elements to forge a tight consensus within the Reagan administration.

And Haig does seem to have a certain talent for building coalitions around him and for enforcing inner-circle loyalty, regardless of the tactics he employs.

He convinced Nixon's inner-circle of his ruthless fealty when he personally told the FBI to install phone taps on 14 administration officials, some of whom were his closest professional colleagues. When asked later about the propriety of this action, Haig said, "It really didn't give me any gas pains."

As the commander-in-chief of NATO forces from 1974-1979, Haig further embellished his reputation as a tough administrator who "gets the job done." He has won high marks from fellow generals and Pentagon overseas for bringing "a sense of discipline" to the NATO ranks. European politicians have likewise praised Haig's nomination because of his smooth success in convincing leaders as seemingly disparate as French conservative Giscard d'Estaing and German social democrat Helmut Schmidt to cooperate in opposing "the Soviet threat". **NI**

NADI INSAN, JUN 1981


AMERICA'S OWN ROOTS IN TERRORISM

Saul Landau

In reading the daily newspapers and watching TV news, I have begun to wonder whether I am crazy or some magic erasure of memory has taken place. The administration has recently announced new U.S. priorities. Focus on combating international terrorism will replace the Carter administration emphasis on human rights.

Washington Post columnist Stephen S. Rosenfeld says the issue is complicated because the roots of international terrorism lie "not only in individual pathologies and local conditions but in international organizations and political connections". But whose organizations and whose connections? And how to define international terrorism? Do we disregard our own past when for a "national security objective" we promoted international terrorism?

An anti-international terrorism policy could become a double-edged sword. From 1959 on, the CIA, under orders from the White House, recruited Cuban exiles and trained them not only for combat but in the crafts of terrorism. Our government then launched some of them in an invasion of another state, dispatched them on assassination missions and sabotage expeditions abroad.



The U.S. Senate Select Committee to Study Governmental Operations with Respect to International Activity published a report in 1980 about the myriad illegal and violent activities by foreign intelligence agencies in the United States. The report indicated that the U.S. government through the CIA not only helped to create some of the agencies that have been among the leading practitioners of terrorism in their own countries and abroad but assented to their activities on U.S. soil.

International terrorism is a very serious threat not only to U.S. national security but to human rights as well. What is emerging, however, in the gradual definition of the new policy, appears to be a kind of double speak.

Cuban exiles trained by the CIA were the actual White House plumbers under former president Nixon, the ones who broke into the office of Daniel Ellsberg's psychiatrist and later into Watergate.

If we are to learn something from our recent past at a time of present peril, it might be worth a reflective pause in Congress and in the press to inquire into the real nature of policy of "combating international terrorism" and of the possible consequences we will have to pay. We are still paying for the Bay of Pigs and the Cuba Policy. The sins of the Watergate plumbers and Vietnam have not really been washed away by the hostage ceremonies.

If the members of the Reagan administration want to be known for great statesmanship, it might also behoove them to reflect before announcing a new policy that can work only by erasing or distorting our own past.

insan bulan ini

Saya adalah seorang penanam padi dari Mukim Luk Cai, Kedah. Saya akan cuba bercakap sedikit sebanyak mengenai masalah dan kesulitan petani di tempat kami.

Misalnya, masalah upah. Dulu sebelum harga padi naik, upah memotong padi hanya \$40 untuk satu ekar. Sekarang upah memotong padi naik menjadi \$50. Depa kata sebab harga padi naik. Upah tarik padi dari bendang ke batas juga naik. Upah yang biasa kami bayar sebanyak \$2 seguni sekarang naik menjadi \$3 seguni. Depa kata sebab harga padi naik. Upah membanting padi hanya \$2 seguni pada tahun lepas. Tahun ini naik menjadi \$3 seguni. Depa kata harga padi naik.

Tahun lepas kami mendapat \$35 hingga \$36 seguni setelah di tolak potongan sebanyak 20 atau 25 kati bagi setiap pikul yang dijual. Tahun ni potongan yang dikenakan ialah di antara 35 hingga 40 kati bagi tiap-tiap pikul yang kami jual.

LPN

Selepas tu masalah LPN pula. Kalau kami jual padi pada orang tengah, LPN kata tujuan kerajaan buat LPN ialah untuk petani. Kami pun juallah kepada LPN dan dapat harga satu ringgit lebih tinggi daripada harga yang dibayar oleh orang tengah. Tapi untuk jual kepada LPN, kami kena sewa lori. Upah tanggong padi untuk diisi ke dalam lori 20sen seguni. Sewa lori seringgit satu guni. Upah tanggong turun dari lori ke kilang 20sen seguni. Kalau kami jual pada orang tengah, kami rugi seringgit sahaja bagi tiap-tiap guni. Kami hanya bawa padi ke tepi batas (jalan raya), timbang dan tinggalkan di situ sahaja. Lain-lain urusan, semuanya dibuat oleh orang tengah.

20

Sekarang ni masalah pekerja pula. Masalah pekerja ni sebenarnya disebabkan oleh mesin pemotong padi. Dulu sewa mesin potong padi hanya \$50 seekar. Sekarang ni bila petani-petani menghadapi masalah kurang tenaga kerja, upah menuai dengan mesin naik sampai \$90 seekar. Kami tanya depa, pasal apa naik sampai \$90. Depa kata *spare parts* enginlah ni mahal. Harga minyak diesel pun naik. Nampaknya kena kat depa juga.

Tenaga kerja kurang ni pun pasal engin juga. Bila engin masuk, pokok padi yang baik-baik semuanya diserahkan untuk dituai dengan engin. Pokok padi yang rebah, yang engin tak mau, baru lah diberikan kepada petani untuk dikerjakan. Petani tak mahu. Sebab itu, mereka keluar tinggalkan sawah dan kampung, lalu menjadi buruh kontrak, atau ada yang ambil tanah di Johor dan Pahang.

Masalah Tanah

Ada juga yang pi sampai ke Telok Anson. Bila sampai di sana, bolehlah juga cari makan sikit-sikit. Kerajaan kata haram pula. Tak boleh duk di situ—tanah haram. Peleknya, orang-orang luar mai ke sini, buka ladang-ladang, estet-estet di tempat kita, tak haram pula. Anak-anak Malaysia sendiri, Pak Tani-Pak Tani, apabila pi buka tanah, depa kata haram. Depa hambat. Kalau ada rumah, depa tolak dengan *bulldozer*. Depa bakar.

Saya ni mai dari Kulim. Tanyalah orang Kulim apa ada di kiri kanan jalan. Semuanya estet. Estet baru pun ada. Entah berapa blok, tak taulah saya. Kalau tanya depa, estet siapa punya? — depa kata, hak orang sanalah.

Ada juga petani-petani tadi yang



buka kedai kopi di tepi jalan. Depa kata tak boleh, takut rumput tepi jalan mati dan tanah runtuh. Tapi depa diri kilang racun di tengah-tengah bendang, sampai beratus-ratus relong bendang petani rosak, manusia dan haiwan sakit dan ada yang sampai mati tak apa pula. Tak haram kah? Yang kami nak buat bangsal jual kopi tu haram. Tak ada lesenlah. Kena pi cucuk ubat lawan kumanlah.

Pasal buat kilang di tengah-tengah bendang petani tu dah berpuluh-puluh ekar bendang sekeliling kilang tu yang dah rosak. Mulanya, dia kata nak buat kilang racun serangga. Tapi bila dah proses, jadi racun padi . . . Kami pun pi jumpa DO. DO kata dia nak buat tembok supaya kesan kilang tak mengalir ke bendang. Nak buat tembok, yalah, tapi bila angin barat bertiup, habuk dan debu kilang tu pi sampai



NADI INSAN, JUN 1981

berpuluh-puluh relong jauhnya.

Tanah yang di tepi-tepi kilang tu biasanya dapat 18 hingga 20 guni serelong. Belanja mengerjakannya pun murah. Hari ni hasilnya hanya 10 atau 12 guni sahaja serelong. Belanja pun tinggi sebab terpaksa sulam berkali-kali menggantikan padi yang rosak. Baja pun kena bubuh sampai tiga kali ganda. Itulah masalah petani.

Baru-baru ni, saya dengar pihak MADA sendiri berkata supaya *trip* (penanaman musim) ni lebih awal sikit. Selewat-lewatnya, hujung bulan sembilan kena tanam dah sebab bulan sebelas kemarau dan kerajaan tak dapat bagi air. Air yang ada akan disimpan untuk kegunaan bulan tiga.

Tapi bila kami pun pulun turun ke bendang, pi nak beli minyak, minyak tak ada. Kubota pun tak boleh jalan. Tapak semai pun tak

NADI INSAN, JUN 1981

Mat Hassan, Kampung Luk Cai, Kedah

dapat nak dibuat. Dalam TV, depa kata Malaysia cukup minyak. Pi nak beli di kedai tak ada.

Bantuan Kemarau

Dulu ni, ada bantuan kemarau sebanyak 6.4 juta ringgit, ya 6.4 juta ringgit untuk petani-petani yang tak dapat buat bendang dua kali sebab kemarau. Datuk Shariff dulu kata borang keluar bulan lima sampai 30 hb. Bila kami nak pi ambil borang, kami dapat tahu borang dah habis.

Saya pun terus jumpa dengan MADA. Saya tanya dia, duit yang kerajaan bagi sebanyak 6.4 juta tu untuk siapa? Dia kata, untuk petani. Saya tanya lagi, petani yang macam mana? Dia jawab, petani pertengahan, yang mengerjakan bendang lima relong sampailah kepada mereka yang tidak mempunyai tanah dan bekerja mengambil upah sahaja.

Mereka ni akan diberi kerja. Silalah isi borang permohonan kerja. Saya tanya, kerja macam mana? Dia kata kerja sebas sungai. Saya kata, itu kerja Jabatan Parik Tali air. Kerja tu dah selesai dah. Dia kata tak boleh. Kerajaan suruh buat kerja tu minggu ni juga. Saya kata, tak apalah, kerajaan dah suruh, bagilah borang. Kami orang susah ni.

Dia kata borang dah habis. Saya kata kerajaan tak bancikah bilangan petani Kedah Perlis hampir lima atau enam juta orang. Dia kata perkara ini dia telah serahkan kepada unit kerja. Silalah berhubung dengan unit kerja.


Saya tanya lagi, katanya petani-petani yang berpendapatan kecil saja yang dapat kerja. Tapi ada orang yang ada bendang 20 relong pun dapat kerja juga, kerja satu hari da-



pat bayaran sampai \$50. Itu nak menghabiskan duit namanya.

Saya tak puas hati, lalu saya hantar surat pada Hussein Onn. Hussein Onn hantar mai: dia kata, saya akan bertindak. Lepas tu, saya hantar surat pada Shariff Ahmad. Shariff Ahmad kata, dia akan bertindak. Saya lalu tulis kepada *Bintang Timur*. Dia kata, hang diam. Saya pun tak taulah nak fikir lagi.

Subsidi

Sekarang ni, depa kata nak bantu melalui subsidi pula. Tapi petani yang nak buat bendang pun dah tak ada lagi. Bendang dah habis dibuat rumah atau jalan raya. Baru duduk saya nai bela ayam seekor, dia mai tolak nak buat jalan. Pindah pi tempat lain, dia kata nak buat sungai pula! Pindah tang tu, kena tangkap pula. Dia kata haram. Saya pun tak taulah nak fikir. 

Kekecohan Di Sempadan Malaysia-Thai

(terjemahan dari *ASIaweek*, 8.5.81)

Sejak sebulan yang lalu hubungan diplomatik Malaysia-Thai agak sibuk akibat dari kemasukan orang Islam Thai ke Malaysia. Nampaknya, Kuala Lumpur dan Bangkok hanya bersetuju atas satu hal, iaitu ujudnya masalah orang pelarian di sempadan bersama kedua negara. Hingga ini masih tidak diketahui apakah sebab sebenarnya yang mengakibatkan orang-orang pelarian keturunan Melayu beragama Islam itu meninggalkan daerah Betong di Selatan Thai masuk ke utara Semenanjung Malaysia. Tidaklah diketahui berapa lama keadaan ini akan berterusan.

Tetapi di sebalik tuduh-menyuduh dan dolak-dalik yang nampaknya memalukan kedua-dua kerajaan, punca kepada masalah ini nampaknya agak jelas. Dalam masa kerajaan kedua-dua negara sebek melancarkan gerakan ke atas kubu regimen ke-12 (yang dikuasai oleh orang-orang keturunan Cina) Parti Komunis Malaya di sepanjang sempadan bersama, gerila-gerila pemisah Islam dari Pertubuhan Persatuan Pembebasan Petani (PPPP) bergerak ke selatan mengukuhkan kedudukan di kawasan kubu PKM itu. Komunis yang sudah menguasai kawasan itu sejak tahun 1950an tidak suka keadaan itu.

Hubungan Kuala Lumpur-Bangkok menjadi makin keliru. Menurut kerajaan Thai, 700 orang Islam yang lari ke Malaysia itu (menurut angka resmi kerajaan Malaysia, 1,612 orang) adalah disebabkan *hasutan* yang disebabkan oleh penghasut mengatakan bahawa pertempuran akan berlaku antara pasukan PPPP dengan PKM dan kemungkinan besar komunis akan membalas dendam.

Untuk memperkuat ceritanya, menurut pihak berkuasa Thai,

penghasut-penghasut itu *meminta* orang-orang kampung "memberitahu pihak berkuasa di Malaysia bahawa mereka telah diugut oleh pengganas komunis dan tentera Thai". Tetapi pihak berkuasa Thai tidak menerangkan siapakah penghasut-penghasut itu. Menurut satu sumber yang memberitahu majalah *Asiaweek*, "ini bermakna bahawa mereka ialah aktivis Islam PPPP."

Sumber-sumber lain di Bangkok mengatakan bahawa cerita mengenai ungutan dari komunis dan pegawai-pegawai Thai itu bukanlah semata-mata disebabkan oleh usaha PPPP. Memandangkan penyusupan yang dilakukan oleh PPPP ke *kawasan merah Betong* itu, di sana semacam ada *kepentingan bersama* antara ketua-ketua PKM dan pegawai-pegawai Thai tempatan yang memerhatikan penyusupan gerila pemisah itu. Beberapa laporan secara terang-terang menyalahkan pasukan *Renger Sukarela Khas* Thai, sebuah pertubuhan separuh tentera untuk mengawal gerakan-gerakan gerila yang sejak dua tahun lalu berbuat sesuka hati tanpa memperdulikan undang-undang. Sumber lain menyatakan kemasukan PPPP ke kawasan itu telah merosakkan keadaan sedia ada yang telah lama ujud di kawasan sempadan yang dikawal oleh PKM.

Sama ada PPPP merancang pelarian itu atau tidak, tetapi nyata sekali ia mendapat faedah dari keadaan itu. Diplomat-diplomat di Bangkok menyatakan, bibit-bibit sokongan kepada pelarian itu di seberang sempadan serta kemungkinan sokongan dari badan-badan antarabangsa yang menguruskan kem-kem pelarian itu akan meningkatkan kesedaran antarabangsa kepada dakwaan golongan pemisah, jadi ia akan meningkatkan kedudukan



Pelarian Selatan Thai

pemberontak.

Malah perhatian antarabangsa telah menambahkan lagi kekusutan dalam hubungan antara Kuala Lumpur-Bangkok. Kerajaan Malaysia secara resmi telah meminta pertolongan Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Orang-Orang Pelarian (UNCHR). Seorang diplomat kanan Malaysia di Bangkok telah menegaskan bahawa bantuan yang diperlukan hanyalah bantuan kebendaan bagi merengankan beban kerajaan-kerajaan negeri menguruskan kem-kem pelarian. Sumber ini menegaskan lagi bahawa kem-kem itu akan diuruskan oleh kerajaan pusat. Dia menambah "anda harus yakin yang mereka tidak akan membiarkan PPPP bebas keluar masuk."

Di pihak Thai, mereka bersikap tegas menentang penglihatan mana-mana badan antarabangsa kerana mereka mensifatkan ini adalah masalah antara dua pihak sahaja. Kenyataan kerajaan Thai menyata-

kan bahawa "UNCHR tidak perlu melibatkan diri dalam perkara ini." Pada pertengahan minggu, sumber Malaysia menyatakan yang "keadaan bertambah baik." Ini adalah kerana pertemuan yang dibuat di Selatan Thailand antara Jeneral Prasong Soonsiri, Setiausaha Agung, Majlis Keselamatan Thai dengan perwakilan Malaysia sangat "menggalakkan".

Dalam masa yang sama sebilang kecil dari orang-orang pelarian Thai telah kembali ke kampung halaman-nya. Namun demikian sebahagian

dari mereka masih tidak menunjukkan minat untuk mengikuti langkah itu. Meski pun kerajaan Thai telah "memberikan jaminan penuh atas keselamatan dan perlindungan mereka", orang-orang pelarian itu masih lagi kekal dalam pusat-pusat sementara dan sedang menanti untuk dipindahkan ke kem besar. Penganalisa-penganalisa mengatakan bahawa besar kemungkinan yang agen-agen PPPP telah memujuk pelarian itu supaya jangan pulang. Menurut seorang penganalisa: "Dengan PKM kini berada di Betong, saya

tidak fikir yang jaminan Bangkok itu menarik."

Jika sekiranya keadaan ini berterusan, Kuala Lumpur dan Bangkok dengan teliti cuba mengelakkan supaya isu ini tidak merosakkan kerjasama sempadan. "Asas kepada perkara ini ialah solidariti ASEAN," kata seorang ahli politik. "Kedua pihak ingin perkara ini diselesaikan dengan cepat. Semudah manakah perkara ini dapat diselesaikan dalam suasana konflik yang meruncing di Selatan Thai, masih belum kelihatan. NI

SUARA ABU RIDUAN



Pejuang Pattani

Perjuangan Pergerakan Pembebasan Pattani pada asasnya ialah perjuangan orang Melayu Pattani untuk mendapatkan kemerdekaan bagi tanahair dan rakyat Pattani yang telah dijajah oleh Negara Thai selama 190 tahun.

Banyak pertanyaan dikemukakan mengapa gerakan pembebasan merupakan satu perkembangan baru di situ. Ini adalah kerana timbulnya kesedaran di kalangan orang Melayu di Selatan Thai bahawa mereka ditekan oleh kuasa asing yang berusaha untuk menghilangkan identiti mereka dalam masyarakat Thai.

Melalui kesedaran bahawa mereka terjajah dan kerajaan Thai sedang cuba menjadikan mereka

orang Siam, orang Melayu Pattani digalakkan berjuang melawan penindas mereka, lebih-lebih lagi apabila mereka tahu bahawa orang-orang yang senasib dengan mereka di seluruh dunia sedang berjuang untuk mendapatkan pembebasan dan kemerdekaan — perjuangan demikian terdapat di merata tempat di Asia, Afrika dan Amerika Selatan.

Kami menentang usaha-usaha kerajaan Thai untuk *menyerapkan* kami ke dalam masyarakat Thai kerana identiti dan cara hidup kami terancam dengan cara-cara yang mereka gunakan. Satu darinya ialah melalui dasar pelajaran yang tidak membenarkan kami menggunakan bahasa kami sendiri.

Bahasa pengantar yang digunakan dalam semua sekolah di Negeri Thai ialah Bahasa Thai. Kerajaan Thai berharap supaya anak-cucu kami akan lupa bahasa ibunda mereka sendiri.

Kami terus menggunakan Bahasa Melayu dalam pembelajaran agama Islam yang menggunakan buku-buku yang ditulis dalam Bahasa Melayu. Tetapi tekanan berterusan terhadap Bahasa Melayu menimbulkan sentimen kebangsaan orang Melayu di Negeri Thai yang membawa kepada perjuangan menentang penjajahan secara aktif.

Ada beberapa kumpulan yang berjuang untuk mendapatkan pembebasan di Selatan Thai dan kesemuanya mempunyai tujuan yang sama. Barisan Revolusi Nasional Melayu Petani, Barisan Nasional Pembebasan Petani dan Pertubuhan Pembebasan Bersatu Petani yang semuanya berjuang menentang kuasa penjajah yang berpusat di Bangkok yang berusaha untuk menghapuskan identiti kebangsaan Pattani. Seperti dalam perjuangan-perjuangan pembebasan lain, para pemimpinnya lahir dari kumpulan-kumpulan itu sendiri. Kini usaha-usaha dilakukan untuk menyatukan semua gerakan itu.

Sudah diakui umum bahawa ke-

bebasan adalah hak asasi semua bangsa dan ia merupakan keperluan asas kepada sesuatu bangsa dalam kemajuan kepada kedewasaan. Selagi mereka dijajah, peluang ke arah itu sentiasa tertutup. Kami mahu kemerdekaan untuk berdiri bersama-sama dengan orang lain di dunia yang berusaha untuk mendapatkan keamanan dan kestabilan.

Seperti saya jelaskan tadi, dasar pelajaran kerajaan Thai adalah salah satu cara bagaimana kami ditindas. Cara yang kedua ialah melalui dasar kewarganegaraan. Undang-undang Thai memerlukan bahawa sesiapa yang ingin menjadi warganegara Thai mestilah fasih bertutur dan menulis Bahasa Thai.

Jadi untuk menjadi rakyat Thai, kami dikehendaki meninggalkan budaya serta bahasa kami. Ini tentulah tidak dapat diterima. Selama mereka bersekolah, anak-anak kami hanya belajar Bahasa Thai dan pihak kerajaan Thai berharap mereka akan melupakan Bahasa Melayu.

Satu cara lain di mana orang Melayu ditindas secara sistematik ialah melalui rancangan *pembangunan*. Pihak berkuasa Thai terus menerus memindahkan sejumlah besar orang Thai dari utara ke negeri-negeri Melayu di Selatan Thai. Sejak tahun 1960, antara 60—70,000 orang Thai dari kawasan sempadan Thai-Kampuchea telah *ditempatkan semula* di Pattani.

Kerajaan Thai bertujuan hendak menempatkan seramai 250,000 orang Thai lagi di kawasan Melayu supaya mereka menjadi kumpulan majoriti di tempat kami. *Dasar pintu terbuka* ini adalah satu rancangan untuk memastikan kami menjadi kumpulan minoriti serta melemahkan perjuangan kami untuk menuntut kemerdekaan.

Untuk menunjukkan kepada dunia bahawa kami tidak bersikap toleran, kerajaan telah mengambil sebilangan kecil orang Melayu untuk menyertai rancangan tanahnya bersama dengan petani Thai yang menternak babi. Ini dilakukan



dengan sewenang-wenang walaupun mereka mengetahui bahawa babi adalah haram kepada kami.

Apabila terjadi pertelingkahan, pihak berkuasa akan mengambil sikap menyebelahi orang Thai dari utara; ini menyebabkan orang kami tidak mempunyai pilihan lain selain dari keluar dari rancangan itu. Mereka lalu menggunakan ini sebagai alasan bahawa kami suka bergaduh dan fanatik.

Diskriminasi dilakukan juga kepada kami dalam bentuk sekatan-sekatan untuk memasuki pusat-pusat pengajian tinggi. Untuk melanjutkan pelajaran di maktab-maktab, kami dikehendaki menggunakan nama Thai dan beragama Buddha. Jadi kami terpaksa membuang nama kami yang asal dan menghilangkan identiti kemelayuan kami, terutamanya jika kami memasuki maktab tentera.

Perkara ini dilakukan dengan cukup teliti sehingga ia tidak diketahui bagaimana identiti orang Melayu di Negeri Thai dihapuskan. Kerajaan Thai memastikan supaya perkara ini tidak bocor keluar negeri.

Sejak tahun 1973, kerajaan telah menggiatkan lagi usahanya untuk menekan perjuangan-perjuangan pembebasan. Mereka telah melakukan berbagai bentuk kekejaman di tanah air kami dengan membunuh orang yang mereka syaki bersimpati atau menyokong perjuangan kemerdekaan.

Antara tahun 1973—75, tidak kurang dari 300 orang Melayu telah ditangkap dan ditembak tanpa dibicarakan. Ada di antara mereka yang dibakar hidup-hidup untuk di-

jadikan contoh kepada penyokong-penyokong pejuang kebebasan.

Pihak berkuasa telah memperkenalkan sebuah pergerakan yang menyerupai pergerakan budak pengakap antarabangsa di kawasan ini tetapi kanak-kanak yang menyertai pergerakan ini digalakkan untuk menyembah api dan patung. Kegiatan ini disatukan dengan pendidikan yang diwajibkan dalam Bahasa Thai; di sekolah, mereka diajar kebudayaan Thai; ini adalah langkah supaya mereka melupakan bahasa, kebudayaan dan warisan Melayu.

Dengan langkah-langkah itu pun kerajaan Thai masih tidak berpuas hati. Kerajaan mewajibkan pelajaran agama diajar dalam bahasa Thai.

Langkah ini telah dilancarkan dalam tahun 1973 dan telah ditentang keras oleh sekolah-sekolah agama. Kerajaan Thai menyelesaikan masalah ini dengan membawa pemimpin-pemimpin agama ke Bangkok dan memaksa mereka menandatangani perintah itu. Jika mereka tidak berbuat demikian, mereka tidak akan kembali ke rumah semula.

Apabila kerajaan Thai berjaya melaksanakan rancangan ini, maka akan tertutuplah semua peluang untuk meneruskan pembelajaran Bahasa Melayu. Ini sudah melampau dan kami akan menentangnya dengan apa cara sekali pun.

Perjuangan pembebasan muncul pada tahun 1973, iaitu tahun kerajaan Thai memperkenalkan rancangan itu. Pihak berkuasa Thai telah cuba menyekat berita perjuangan kami diketahui di luar negeri.

Mereka telah mengecap kami sebagai komunis dan penjahat yang melakukan keganasan dan menimbulkan huruhara di dalam negeri. Tetapi kami akan terus berjuang menentang penjajahan sehingga mereka mengakui kami.

(dari ASEAN Review, 11.9.76) **NI**

NADI INSAN, JUN 1981

MASALAH SELATAN THAI

Santi Mingmongkol

Gerakan selama 4 tahun yang dilancarkan oleh tentera Thai di bahagian selatan Negeri Thai menimbulkan sesuatu yang tidak diduga: iaitu perkembangan gerakan pemisah Islam dan mungkin kerjasama antara gerakan pemisah Islam dengan Parti Komunis Thai (PKT). Orang Melayu yang beragama Islam adalah penduduk majoriti di tiga buah wilayah di Thai Selatan. Sejak dulu lagi, mereka sering menjadi mangsa kepada gerakan besar-besaran tentera Thai.

Gerakan itu yang ditujukan kepada Parti Komunis Malaya (PKM) yang bersembunyi di hutan-hutan tebal kawasan pergunungan di wilayah Thai Selatan dilancarkan bersama oleh tentera Malaysia dan Thai dan juga ditujukan kepada kubu-kubu komunis Thai. Sebanyak lapan gerakan besar telah dilakukan dalam dua operasi besar sejak Januari 1977 ketika Muang Thai di bawah pentadbiran Perdana Menteri Thanin Kraivixien dan dari bulan Januari 1978 hingga Februari 1979 di bawah regim PM Kriangsak Chemanand.

Tetapi tentera nampaknya kurang berjaya di Selatan Thai. Sepanjang tahun 1980, *masalah selatan* menjadi begitu berat sehingga menarik perhatian akhbar-akhbar tempatan dan antarabangsa walaupun satu krisis lain yang lebih besar sedang berlangsung di sepanjang sempadan Thai-Kampuchea.

Laporan itu menyatakan bahawa penyalahgunaan kuasa ke atas orang yang tidak bersalah — penangkapan, penahanan dan pembunuhan oleh tentera — semuanya berkaitan dengan gerakan anti-komunis telah menimbulkan ketegangan. Laporan itu juga menyatakan bahawa pasukan-pasukan *ranger* telah dihantar untuk menangkap orang-orang yang disyaki.

NADI INSAN, JUN 1981



Sempadan Malaysia-Thai

Dalam masa tiga tahun yang lepas, kegiatan-kegiatan *pengganas* di bandar-bandar di bahagian selatan dan di Bangkok telah meningkat tinggi dan kumpulan pemisah Islam mengaku bertanggungjawab atasnya. Bahkan dalam kes-kes tertentu di mana sumber polis dipercayai — dari keterangan yang didapati — bahawa ia dilakukan oleh *kumpulan berkepentingan* untuk menguji kestabilan kerajaan, masyarakat umum masih berpendapat yang kumpulan pemisah Islam bertanggungjawab atasnya.

Baru-baru ini, Tentera Pembebasan Rakyat Islam Thai (TPRIT) telah ditubuhkan dalam bulan Ogos 1977. Bagaimana pun, masih terlalu sukar untuk memastikannya. Dalam bulan Jun 1979, pegawai-pegawai kanan dalam Bahagian Perisik Polis memberitahu seorang ahli Jawatankuasa Parlimen

yang mengkaji suasana di Selatan: "Ada banyak kumpulan-kumpulan pengganas, tetapi kekuatan sebenar tiap-tiap kumpulan itu masih lemah dan bermutu rendah dari segi organisasi, disiplin, dan keupayaan bertahan serta menyerang. Di banding dengan PKM dan PKT, mutu organisasi, disiplin serta keupayaan menyerang dan bertahannya masih terlalu rendah.

Setahun kemudian, akhbar mingguan *Siam Nikorn*, dalam keluarannya pada 2 Ogos 1980, melaporkan bahawa "pasukan keselamatan terperanjat bila mendapat bahawa keupayaan gerakan pasukan pemisah telah meningkat dengan cepat sejak empat atau lima bulan lalu." Akbar mingguan itu kemudiannya menyoal, "apakah perkara yang menyebabkan gerakan pengganas ini demikian cepat bertambah kuat?"



Gerakan Tentera

Kumpulan-Kumpulan Islam

Ada lima kumpulan Islam utama di Selatan Thai. **Barisan Nasional Pembebasan Pattani (BNPP)** yang tubuhkan dalam tahun 1947, kini agak lemah akibat dari tekanan tentera Thai dan, mengikut setengah sumber, kekalahan Parti Islam di Malaysia.

Kumpulan yang paling besar dan berpengaruh sekali ialah **Pertubuhan Persatuan Pembebasan Pattani (PPPP atau PULO)** yang ditubuhkan dalam tahun 1967 dan mula dikenal di seluruh negeri Thai selepas tunjukperasaan besar-besaran dalam tahun 1975. Apabila 50,000 orang Islam Thai keturunan Melayu berkumpul membantah pembunuhan lima orang kampung yang beragama Islam dalam bulan November 1975, PPPP mengumumkan yang mereka akan menuntut bela.

Pendirian PPPP ini menjadi lebih militan bila sebutir bom dilemparkan oleh orang yang tidak diketahui dan telah mengakibatkan sebelas orang terbunuh dalam satu tunjuk perasaan orang Islam di Pattani sebulan kemudian. Sejak itu, setiap kejadian pengeboman dan sabotag di bahagian selatan dan di Bangkok sering dikaitkan dengan PPPP walaupun tidak semestinya demikian

Menurut seorang pegawai polis, Major-Jeneral Kampanat Chintavirrote, yang kini adalah pengarah pasukan petugas khas yang dibentuk dalam bulan Julai 1980 untuk membebaskan orang-orang yang dicolek oleh pasukan pemisah. PPPP bukanlah satu-satunya kumpulan yang mempunyai keupayaan untuk melakukan serangan.

Menurut laporan majalah *Asiaweek* (4 April 1980), kumpulan **Sabil-illah** yang bergerak di kawasan bandar — ditubuhkan selepas tunjuk perasaan di Pattani pada bulan Disember 1975 — "lebih cenderung bersikap ganas." Kampanat membatikan kumpulan ini dengan peristiwa pengeboman di Lapangan Terbang Antarabangsa Don Muang di Bangkok dan pengeboman stesyen keretapi di Selatan Thai dalam tahun 1980.

Barisan Revolusi Nasional (BRN), yang mendapat sokongan dari luar bandar, berjuang atas asas-asas nasionalisme, Islam dan sosialisme. BRN menuntut pembebasan bagi kesemua 1.2 juta orang Islam di Selatan Thai dan mungkin bekerjasama dengan PKM.

Dalam membincangkan sebab-sebab sebaliknya di Selatan Thai dan di Bangkok, akhbar-akhbar dan polis Thai memberi perhatian kepada tiga

pihak: (1) PPPP, (3) ahli-ahli politik yang gagal tetapi mencuba untuk mendapatkan kedudukan dan (3) kumpulan-kumpulan tertentu yang mempunyai kepentingan tersendiri.

Pemerintah Thai Bimbang

Adalah jelas bahawa kekuatan tentera PKT di selatan Thai di samping bertambahnya kegiatan-kegiatan gerakan pembebasan Islam telah menyebabkan kerajaan Thai merasa bimbang. Ini juga telah melahirkan kebimbangan Kerajaan Malaysia yang mungkin bersimpati dengan nasib orang Melayu di Negeri Thai.

Dalam tahun 1980, dakwaan-dakwaan bahawa orang desa Thai telah menjadi mangsa tentera telah mengakibatkan kemarahan umum. Tentera Thai dilaporkan akan memperluaskan gerakan ke wilayah Surat-thani di mana PKT bergerak agak berkesan.

Kempen bersama menentang komunis antara tentera Thai-Malaysia nampaknya lebih menguntungkan kerajaan Thai dibandingkan dengan Malaysia. Tentera Malaysia yang memburu anggota PKM, telah memperkuat kuasa pemerintah militer Thai untuk menghadapi musuhnya sendiri, iaitu PKT serta gerakan-gerakan pemisahan.

Menurut kajian, kempen ketenteraan di Selatan Thai ini telah mengakibatkan ramai rakyat Thai di Selatan merasa benci kepada kerajaan mereka. Jawatankuasa Parliamen yang mengkaji keadaan di Selatan Thai dalam tahun 1979 melaporkan bahawa jika masalah sosial dan ekonomi tidak diperbaiki, maka suasana di Selatan akan terus bergolak.

Jawatankuasa itu juga menyatakan bahawa gerakan bersama itu dengan tentera Malaysia telah menyerahkan terlalu banyak kedaulatan Negara Thai kepada pihak Malaysia. Namun, kerajaan Malaysia dan Muang Thai nampaknya akan meneruskan kerjasama ketenteraan mereka untuk menghapuskan musuh masing-masing.

KE ARAH MANA REVOLUSI IRAN?

Dilip Hiro

Ketika Iran menyambut ulang-tahun pertama revolusi Islam, ia berbangga dengan beberapa kejayaan. Ia telah berjaya memperkuatkan kemerdekaan dengan memutuskan hubungan-hubungan ketenteraan, ekonomi dan kebudayaan dengan negara-negara Barat. Mereka telah mempererat lagi hubungan persaudaraan dengan negara-negara Dunia Ketiga dan mewujudkan institusi-institusi sosial, ekonomi dan politik Islam.

Sekarang, pemerintah Iran ber-cadang untuk mewujudkan kemerdekaan ekonomi. Dr. Ibrahim Yazdi, seorang bekas menteri luar, telah menyarankan strategi baru ini. 'Kempen terhadap kedutaan Amerika yang (pernah) berlaku telah membantu kami mewujudkan sentimen yang kuat terhadap sebarang dominasi dari luar. Ianya mestilah diteruskan lagi agar mencapai matlamat menyusun semula ekonomi kita yang dikuasai oleh kuasa-kuasa luar.

Kedudukan Ekonomi

Sebarang sekatan ekonomi oleh Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya akan mempercepatkan lagi proses memutuskan perhubungan ekonomi Iran dengan negara-negara Barat. Bilangan impot dari 13 buah negara Barat telah turun sebanyak 75% dalam tahun yang lepas. Pada masa ini, jumlah impot adalah pada kadar 12 ribu juta dollar setahun, manakala pendapatan dari eksport minyak adalah pada lingkungan 25 ribu juta dollar.

Ekonomi dalam negeri juga mengalami berbagai-bagai perubahan

, lebih-lebih lagi dengan pemergian Shah Iran dan anggota-anggota keluarganya, termasuk kerabat-kerabatnya yang lain yang dulunya menguasai sebahagian besar dari ekonomi Iran. Yayasan Pahlavi saja umpamanya, memiliki 20% dari jumlah harta persendirian di Iran. Penubuhan Yayasan Mostazafin—Yayasan Untuk Yang Memerlukan—oleh pemerintah Iran kini adalah bertujuan untuk menguasai seluruh kekayaan gelintir ini.



Imam Khomeini

Kaum Buruh

Pernah dianggarkan bahwa lebih dari 2.5 hingga 3 juta orang menganggur dari tenaga buruh seramai 10.5 juta. Jumlahnya kian meningkat setelah kerajaan tegas membekukan pengambilan pekerja-pekerja baru ke dalam perkhidmatan awam. Pada masa yang sama juga, belia lepasan sekolah terus memasuki pasaran buruh.

Kembalinya pekerja-pekerja bandar ke desa merupakan rahmat yang tersembunyi bagi pemerintah. Ianya dijangkakan akan menghidupkan semula kegiatan pertanian yang telah merosot akibat dari penghijrahan besar-besaran tenaga buruh ke bandar-bandar dalam masa sepuluh tahun yang lalu.

Peningkatan dalam pengeluaran pertanian tentunya akan mengambil masa yang lama. Begitu juga dengan peningkatan dalam hasil-hasil industri akibat dari kekurangan tenaga pengurusan disebabkan oleh pemergian beribu-ribu tuannya kilang dan pengurus ke luar negeri.

Suatu kesan dari revolusi rakyat Iran ini ialah pembubaran kesatuan-kesatuan sekerja zaman Shah kerana mereka sebenarnya adalah badan-badan yang telah ditubuhkan oleh lembaga pengurus. Sebagai gantinya, telah lahir majlis-majlis pekerja yang ditubuhkan oleh jawatankuasa revolusi Islam tempatan dan oleh itu dikuasai oleh unsur-unsur ini. Bagi mereka, majlis pekerja itu berdasarkan kepada Al-Quran yang menggalakkan musyawarah dalam pengurusan sesuatu organisasi. Keadaan ini berbeza sekali

dengan keadaan di Arab Saudi, di mana kesatuan-kesatuan sekerja diharamkan.

Sementara majlis-majlis pekerja ini sedang tumbuh secara berperingkat-peringkat setelah revolusi, jawatankuasa revolusi Islam telah muncul dengan serta merta pada masa revolusi awal tahun 1979 dan dipimpin oleh alim ulama dan peniaga-peniaga kecil. Mereka ini adalah mata dan telinga pihak pemerintah serta penggerak utama bagi mendapatkan sokongan popular. Jawatankuasa tempatan inilah yang telah mengadakan demonstrasi-demonstrasi besar di depan kedutaan Amerika Syarikat.

Jawatankuasa Revolusi

Oleh kerana gagalnya jawatankuasa itu ditempatkan di dalam pentadbiran negara, dan memandangkan terdapatnya aduan-aduan mengenai korupsi yang melanda pucuk pimpinannya, maka majlis revolusi yang memerintah Iran telah membuat keputusan untuk menggabungkannya dengan Pengawal-pengawal Revolusi Islam atau Pasdaran. Seperti juga jawatankuasa-jawatankuasa tersebut, Pasdaran, iaitu anggota-anggota bersenjata dengan pakaian seragam dan topi ala Cas-



Poster Parti Republik Islam

tro, adalah juga lahir dalam masa revolusi. Kini anggota mereka—yang berasal dari kelas pekerja dan kelas menengah bawah—lebih ramai dan lebih berkuasa dari pasukan polis yang kini dipandang rendah kerana peranan menindas rakyat di zaman Shah.

Pemimpin mereka, Ayatollah Sayed Ali Khominey, adalah seorang dari lima pengasas Parti Republik Islam (PRI), iaitu parti yang mewakili golongan pemerintah. Ia telah ditubuhkan dalam masa beberapa minggu berlakunya revolusi. Perlembagaan parti tersebut dengan nyata menjelaskan bahwa tentera akan digunakan hanya untuk pertahanan Iran dan bukan sebagai alat untuk menindas rakyat. Rancangan tersebut mengarahkan parti itu untuk bekerja keras bagi menghapuskan semua bentuk kekejaman dan penjajahan—samaada politik, ekonomi atau kebudayaan—dan bagi menjamin kebebasan rakyat serta kebebasan bersuara dan berpersatuan.

Parti Republik Islam

PRI mendapat ilhamnya dari Al-Quran tetapi terdapat perbezaan yang sangat besar dalam tafsiran dan penggunaan prinsip-prinsipnya. Salah satu dari perkara ini ialah perhubungan di antara pemerintah dengan yang diperintah. 'Dalam pandangan kami, pemerintah mestilah berkhidmat untuk rakyat dan mestilah menghormati hak-hak kemanusiaan, kata Ayatollah Mohammad Beheshti, seorang pengasas PRI dan Setiausaha Agung Majlis Revolusi.

Apabila pemerintah berkhidmat untuk dirinya sendiri maka ianya mesti digulingkan. Ini adalah satu dari prinsip Islam menurut tafsiran Shiah yang juga dipersetujui oleh kebanyakan golongan progresif Sunnah. Ramai pemimpin PRI menganggap golongan pemerintah Arab Saudi berkhidmat untuk kepentingan diri sendiri. Cara-cara me-



Presiden Bani-Sadr

reka yang korup dan kejam serta dasar mereka yang mengharuk kekayaan minyak Arab Saudi untuk kepentingan imperialis Amerika adalah dianggap sebagai bertentangan dengan dasar Islam.

Nampaknya, PRI ingin memainkan peranan di luar Iran juga. Persidangan antarabangsa mengenai perjuangan kemerdekaan kebangsaan yang dianjurkan pada Januari 1980 telah dihadiri oleh wakil-wakil dari 19 buah negeri. Pejabatnya yang luas dibanjiri dengan buku-buku dalam bahasa Arab, Urdu, Bengali dan Inggeris.

'PRI mahu menjadikan Iran sebagai panglima dunia Islam dan memimpin kebangkitan semula Islam serta perjuangan menentang imperialisme, kata Hamid Nazari, pengarang akhbar *The Iranian*. Ianya menentang Washington kerana ia menganggap Amerika sebagai punca utama korupsi moral dan material. Amerika juga adalah penindas utama orang-orang Islam dan rakyat tertindas di dunia.

Kesan Di Dunia Islam

Kerana sumber ilham bagi revolusi Islam Iran bukan Marxisme, NADI INSAN, JUN 1981

dan populariti Khomeini yang meluas di seluruh Teluk Parsi—sebagai tokoh Islam yang tidak hidup mewah—contoh Iran menjadi ancaman merbahaya kepada pemerintah-pemerintah lain di rantau Teluk Parsi. Regim-regim ini yang senang saja mengecap sesuatu yang radikal sebagai 'Marxis yang ateis', dan kemudian mengutuknya dengan keras, tidak tahu pula bagaimana hendak menghadapi ancaman ke atas regim mereka dari aliran Islam yang demokratik dan *republican*.

Walau bagaimanapun, di Iran terdapat sebuah parti Islam, iaitu Mujahideen Khalq yang menganggap sosialisme itu sesuai dengan Islam. Mereka ingin mengujudkan sebuah masyarakat tauhid tanpa kelas, iaitu tauhid dari segi rohaniah dan tanpa kelas dari segi material. Para Mujahideen ini percaya bahwa mengamalkan prinsip-prinsip ekonomi Islam akhirnya akan mengujudkan sosialisme.

Mereka berpendapat bahwa manusia hanya boleh menikmati sesuatu sekiranya ia telah berusaha mengubah sumber-sumber alam yang diberikan Tuhan, kepada benda-benda yang bernilai. Oleh itu, hanya mereka yang bekerja yang berhak menikmati hasil dari usaha itu, bukan pemilik kilang, lombong, ladang atau tanah yang memperolehi untung tanpa bekerja. Persamaan pendapat ini dengan teori nilai buruh Marxisme telah menyebabkan ramai pengulas mengecap golongan Mujahideen ini sebagai *Marxis Islam*.

Pimpinan Revolusi Iran

Antara yang menganuti pandangan Islam demikian ialah Presiden Bani-Sadr, seorang ahli ekonomi Islam yang ketika menjadi Menteri Kewangan pernah menghapuskan bunga dari sistem bank di Iran. Ia juga adalah tenaga utama di sebalik keputusan pemerintah untuk memiliknegerakan institusi bank dan insuran. Sebahagian dari

NADI INSAN, JUN 1981

sebab kemenangan besar Bani-Sadr dalam pilihanraya presiden awal tahun ini adalah kerana selepas pemimpin Mujahideen, Masoud Rajari tidak dibenarkan bertanding, anggota Mujahideen telah memilih Bani-Sadr dengan sebulat suara.

Rajari tidak menyetujui perlembagaan baru yang memberikan kuasa veto kepada golongan alim ulama terhadap mana-mana undang-undang. (Pendirian inilah yang menyebabkan ia tidak layak dicalunkan dalam pilihanraya presiden.)

Sebaliknya, pemimpin-pemimpin sekular dari parti Tudeh yang pro-Moscow telah memberi sokongan penuh mereka kepada perlembagaan itu. Parti Tudeh nampaknya berazam tidak mahu ketinggalan dalam memberi sokongan mereka kepada Khomeini, memandangkan kesilapan yang telah mereka lakukan pada awal tahun 1950an kerana tidak menyokong pemimpin nasionalis, iaitu Mohamed Mossadeq yang popular itu, dengan penuh.

Parti Fedayeen Khalq adalah sebuah parti Marxis-Leninis yang telah ditubuhkan pada penghujung tahun 60an. Mereka tidak menentang perlembagaan baru dan tidak mengakui Khomeini sebagai pemimpin agung. Parti ini merupakan sasaran utama serangan-serangan dari anasir-anasir kanan dalam PRI yang dikenali sebagai Hizballahi.

Hizballahi

Golongan Hizballahi ini merupakan golongan tahan lasak fanatik anti-kiri yang mengecap semua golongan kiri sebagai petualang yang harus dihukum bunuh. Pada musim panas yang lalu, ketika kemarahan memuncak di Tehran mengenai masalah-masalah Kurdistan, mereka telah mengamuk menentang semua anasir yang dianggap kiri. Mereka telah membinasakan kedai-kedai buku dan pejabat-pejabat serta menutup surat khabar golongan kiri.

Ini menimbulkan rasa marah ter-



Wanita Iran

hadap mereka kerana kelakuan fasis mereka itu menyerupakan apa yang pernah berlaku pada zaman Shah dahulu. Pada rakyat yang berjuang bermati-matian begitu lama untuk menjatuhkan pemerintahan diktator, kebebasan bersuara dan berpersatuan adalah sesuatu yang dihargai mereka.

Dalam perbualan hari-hari, istilah-istilah *azadi* (kebebasan) disebutkan selalu sepertilah juga istilah *inqilab* (revolusi). Seorang suri rumah di Tehran membuat kesimpulan begini: 'Kami berjuang dalam revolusi untuk mendapatkan kebebasan.'

Walau apapun keputusan pilihanraya perlimen, hakikatnya ialah dalam masa satu tahun rakyat Iran telah menggunakan hak-hak mereka yang baru itu sebanyak lima kali, iaitu untuk memilih kerajaan dan republik, pemerintahan tempatan, perlembagaan, presiden dan parlimen. Ini tentunya merupakan satu rekod dunia. Dan mereka telah melakukannya dalam keadaan permusuhan dari panglima *Dunia Bebas*, Amerika Syarikat.

siri kartun-sambungan dari bulan lepas

SAUDARA PEMBACA, **AL-KISAH KAPITALISME**

SEJAK KELAHIRAN KAPITALISMA DI EROPAH, BANYAK WANG TELAH BERTUKAR TANGAN DAN DALAM PROSES ITU, BANYAK PULA BERLAKU PERTUMPAHAN DARAH. TENTU SAUDARA MASIH INGAT. BILA KAPITALIS MULA DATANG KE MASYARAKAT FEUDAL DENGAN MEMBAWA BARANG-BARANG DAGANGAN NYA. DIA KUAT BERUSAHA DAN MEMBAWA IDEA-IDEA YANG BARU. DIA SEOLAH-OLAH PEMBAWA NAFAS BARU. KEMUDIAN DIA BERTAJA PULA MENGUASAI MASYARAKAT. KALAU DULU, TUAN-TUAN TANAH BERKUASA, KINI KAPITALIS INDUSTRI PULA YANG MENJADI PEMERINTAH.



UNTUK MEMBOLEHKAN KAPITALIS MEMERINTAH, PERINDUSTRIAN MESTILAH BERKEMBANG TERLEBIH DAHULU, DAN PERKEMBANGAN INI MEMERLUKAN WANG. BANK BANK MEMAINKAN PERANAN YANG PENTING DALAM MEMBANTU KAPITALIS YANG BESAR DAN TEGUH, TETAPI SEBALIKNYA MENGANGAM PERTUMBUHAN KAPITALIS-KAPITALIS KECIL. PENGUSAHA SAPERTI WILLY RUST MATI BEGITU SAJA KERANA BANK HANYA BERMINAT MEMBERI PINJAMAN KEPADA KAPITALIS YANG BESAR DAN KUAT. KAPITALIS BESARLAH YANG PALING BERKUASA KERANA DIA DAPAT MENGUASAI KEDUA-DUA BANK DAN PERUSAHAAN.



SEKARANG, PEMBACA SEKELIAN, PERBINGANGAN KITA TELAH SAMPAI KEPADA PERMULAAN ABAD KE DUA PULUH, ZAMAN YANG BERHAMPARAN DENGAN ZAMAN KITA. UNTUK MEMAHAMI PERGOLAKAN DUNIA HARI INI, SAUDARA PERLU MENGETAHUI SEJARAH ---






... BAGAIMANA PUN, KAPITALIS INI
SUDAH SEDIA MAKLUM BAHAWA
PERSOALAN YANG PENTING PADA MASA
INI IALAH SOAL MENYELAMATKAN
KAPITALISMA ITU SENDIRI. ZAMAN
MELESET TIDAK HARUS BERULANG LAGI!!



DIAM DAN PATUHI PERINTAH SAYA
ATAU TUAN TIDAK AKAN MENDAPAT KEMUDAHAN
PINJAMAN DARI SAYA LAGI.

SYARIKAT - SYARIKAT
YANG TERSELAMAT
MEMULAKAN
KERJASAMA.

HA..... KERJASAMA HANYA UJUD
DI PERMUKAAN SAHAJA.
DI SEBALIKNYA, MEREKA LEBEH SUKA
MENGHANCURKAN SATU SAMA LAIN.



DALAM SEMUA NEGARA-NEGARA
KAPITALIS, KAUM-KAUM KAPITALIS
BEKERJASAMA BERGANDING,
BAHU DI ANTARA SATU DENGAN
LAIN BAGI MENGELAKKAN
ZAMAN MELESET.



PARA KAPITALIS :



K.A. WALLEMBERG
SWEDEN



J.D. ROCKEFELLER
A.S



N.M. ROTSCCHILD
ENGLAND



G. KRUPP
JERMAN

KAMI LAH KARTEL

MAKA SYARIKAT-SYARIKAT PUN MULA BERUBAH.

- KAMILAH KARTEL. KAMI BERSAMA-SAMA MENGELOARKAN SEMUA JENIS BESI DAN BESI WAJA YANG DI PERLUKAN DI DALAM NEGERI INI. KAMI TIDAK LAGI BERLUMBA-LUMBA DI ANTARA SESAMA SENDIRI. KAMI TELAH BERSETUJU UNTUK HANYA MENGELOARKAN SEJUNJAH BESI YANG BOLEH KAMI JUAL SAHAJA DAN TIDAK LEBIH DARITU. KAPITALIS ADALAH KAWAN SETIA KAMI.



KAMI ADALAH PEMEGANG AMANAH.



KAMI ADALAH PEMEGANG AMANAH. KAMI TIDAK LAGI BERSAINGAN SESAMA SENDIRI. KAMI SUDAH BERSETUJU UNTUK MEMBENTUK SEBUAH SYARIKAT. SYARIKAT KAMI MENGHASILKAN SEMUA BARANG-BARANG LETRIK YANG DI KEHENDAKI DI DALAM NEGERI INI. KAMI MENENTUKAN HARGA YANG PALING TINGGI UNTUK BAHAN-BAHAN TERSEBUT DAN SEMUA ORANG TERPAKSA MEMBELI DARI KAMI. KAPITALIS BERADA DI PIHAK KAMI.

"SAYALAH MONOPOLI"

SAYA TIDAK PERLU
BERTANDING. SAYA SUDAH
MENGAHALIKAN SEMUA
PIHAK YANG MENANDINGI
SAYA.

SEKARANG SAYA DAPAT
MENENTUKAN BERAPA
BANYAK MINYAK YANG
PATUT SAYA KELUARKAN
DAN BERAPA PULA
HARGANYA.
SAYA IALAH SAHABAT
KARIB KAPITALIS.



•sambung bulan depan


'BUMI MANUSIA' PRAMOEDYA



Bumi manusia ditulis oleh Pramoedya Ananta Toer semasa beliau ditahan di Pulau Buru. Novel ini yang berlatarbelakangkan masyarakat kelas atasan dijajahan Belanda Hindia Timur (Indonesia) di akhir abad yang ke-19. Ia mengemukakan pertentangan antara nilai-nilai lama dan moden dalam masyarakat yang sedang menuju ke abad baru. Watak utamanya minke, putera bangsawan Jawa memandang berpendidikan Barat memandang tinggi kepada nilai Barat. Kita juga dipaporkan dengan dunia kehidupan *nyai*, yang melambangkan golongan yang paling tertindas dalam penjajahan. Di bawah ini adalah cabutan kami dari buku itu.

Hidup sebagai nyai terlalu sulit. Dia cuma seorang budak belian yang kewajibannya hanya memuaskan tuannya. Dalam segala hal! Sebaliknya setiap waktu orang harus bersiap-siap terhadap kemungkinan tuannya sudah merasa bosan. Salah-salah bisa badan diusir dengan semua anak, anak sendiri, yang tidak dihargai oleh umum Pribumi karena dilahirkan tanpa perkawinan syah.

Aku telah bersumpah dalam hati: takkan melihat orangtua dan rumahnya lagi. Mengingat mereka pun aku sudah tak sudi. Mama tak mau mengenangkan kembali peristiwa penghinaan itu. Mereka telah bikin aku jadi nyai begini. Maka aku harus jadi nyai, jadi budak belian, yang baik, nyai yang sebaik-baiknya. Mama pelajari semua yang dapat kupelajari dari kehendak tuanku: kebersihan, bahasa Melayu, menyusun tempat tidur dan rumah, masak cara Eropa. Ya, Ann, aku telah mendendam



Dengan Vice President Adam Malik

orangtua sendiri. Akan kubuktikan pada mereka, apa pun yang telah diperbuat atas diriku, aku harus bisa lebih berharga daripada mereka, sekali pun hanya sebagai nyai.

Pada suatu kali Ibu bersama Ayah datang ke Wonokromo. Tuan merasa gelisah, mungkin malu, karena aku tetap tidak mau menemui. Tamu itu, menurut Tuan, telah merajuk minta bertemu. Ibu sampai menangis. Melalui Tuan aku katakan:

"Anggaplah aku sebagai telornya yang telah jatuh dari petarangan. Pecah. Bukan telur yang salah."

Menurut Papa, kodrat ummat manusia kini dan kemudian ditentukan oleh penguasaannya atas ilmu dan pengetahuan. Semua, pribadi dan bangsa-bangsa akan tumbang tanpa itu. Melawan pada yang berilmu dan pengetahuan adalah menyerahkan diri pada maut dan kehinaan.

Maka Papa menyetujui assosiasi. Hanya itu satu-satunya jalan yang baik untuk Pribumi. Ia mengharapkan, juga kami berdua, kau kelak duduk setingkat dengan orang Eropa, bersama-sama memajukan bangsa dan negeri ini, sahabat. Permulaan itu kau sendiri sudah mulai. Pasti kau bisa memahami maksud kami. Kami sangat mencintai ayah kami. Ia bukan sekedar seorang ayah, juga seorang guru yang memimpin kami melihat dan memahami dunia, seorang sahabat yang masak dan berisi, seorang administrator yang tak mengharapkan keuntungan dari keluh-keluh bawahan.

Tuan Hakim yang terhormat, Tuan Jaksa yang terhormat, karena toh telah dimulai membongkar keadaan rumahtanggaku ... (ketukan palu; diperingatkan agar menjawab langsung). Aku, Nyai Ontosoroh alias Sanikem, gundik mendiang Tuan Mellema, mempunyai pertimbangan lain dalam hubungan antara anakku dengan tamuku. Sanikem hanya seorang gundik. Dari kegundikanku lahir Annelies. Tak ada yang menggugat hubunganku dengan mendiang Tuan Mellema, hanya karena dia Eropah Totok. Mengapa hubungan antara anakku dengan Tuan Minke dipersoalkan? Hanya karena Tuan Minke Pribumi? Mengapa tidak disinggung hampir semua orangtua golongan Indo? Antara aku dengan Tuan

Mellema ada ikatan perbudakan yang tidak pernah digugat oleh hukum. Antara anakku dengan Tuan Minke ada cinta-mencintai yang sama-sama tulus. Memang belum ada ikatan hukum. Tanpa ikatan itu pun anak-anakku lahir, dan tak ada seorang pun yang berkeberatan. Orang Eropa dapat membeli perempuan Pribumi seperti diriku ini. Apa pembelian ini lebih benar daripada percintaan tulus? Kalau orang Eropa boleh berbuat karena keunggulan uang dan kekuasaannya, mengapa kalau Pribumi jadi ejekan, justru karena cinta tulus?

Siapa yang menjadikan aku gundik? Siapa yang membikin mereka jadi nyai-nyai? Tuan-tuan bangsa Eropa, yang dipertuan. Mengapa di forum resmi kami ditertawakan? dihinakan? Apa Tuan-Tuan menghendaki anakku juga jadi gundik?

"Husy. Mengapa kau urusi orang Belanda? Kau belum lagi cukup Jawa, belum cukup patuhi leluhurmumu sendiri. Coba, kata orang kau sudah jadi pujangga. Mana tembang-tembangmu yang dapat kunyanyikan di malam-malam aku rindukan kau?"

"Sahaya tidak dapat menulis Jawa, Bunda."

"Nah, kalau kau masih Jawa, kau akan selalu bisa menulis Jawa. Kau menulis Belanda. Gus, karena kau sudah tak mau jadi Jawa lagi. Kau menulis untuk orang Belanda. Mengapa kau indahkan benar mereka? Mereka juga minum dan makan dari bumi Jawa. Kau sendiri tidak makan dan minum dari bumi Belanda. Coba, mengapa kau indahkan benar mereka?"

"Sahaya. Bunda."

"Apa yang kau sahayakan? Nenek-moyangmu dulu, raja-raja Jawa itu, semua menulis Jawa. Malu kau kiranya kau jadi orang Jawa? Malu kau tidak jadi Belanda?"

Dungulah aku bila menjawab kata-kata Bunda yang diucapkan dengan lemah-lembut namun mengandung kekerasan tak terimbangi itu. Ya-ya, semua menuntut dari diriku. Juga Bunda sekarang ini. Bunda tahu dan aku pun tahu, aku takkan menjawab. Ia lebih banyak bicara pada nenek-moyangnya untuk sudi mengampuni aku, anak kesayangannya. Nenek-moyang tak boleh murka padaku. Ah, Bunda, Bundaku tercinta, ibu yang tak pernah memaksa aku, tak pernah menyiksa, biar satu cubitan kecil pun, tidak dengan kata, tidak pula dengan jari.

"Ya, Nak, Nyo, memang kita harus melawan. Betapa pun baiknya orang Eropa itu pada kita, toh mereka takut mengambil risiko berhadapan dengan keputusan hukum Eropa, hukumnya sendiri, apalagi kalau hanya untuk kepentingan Pribumi. Kita takkan malu bila kalah. Kita harus tahu mengapa. Begini, Nak, Nyo, kita, Pribumi seluruhnya, tak bisa menyewa advokat. Ada uang pun belum tentu bisa. Lebih banyak lagi karena tak ada keberanian. Lebih umum lagi karena tidak pernah belajar



Pimpinan Penerbit Hasta Mitra dan Pengarang Bumi Manusia

sesuatu. Sepanjang hidupnya Pribumi ini menderitakan apa yang kita deritakan sekarang ini. Tak ada suara, Nak, Nyo — membisu seperti batu-batu kali dan gunung, biar pun dibelah-belah jadi apa saja. Betapa akan ramainya kalau semua mereka bicara seperti kita. Sampai-sampai langit pun mungkin akan roboh kebisingan."

Mama sudah mulai melupakan perasaannya sendiri. Ia telah menempatkan perkara itu jadi persoalan pikiran, telah meninggalkan hati sendiri dan keluarga, telah menyangkut batu-batu kali, gunung, batu cadas dan kapur, yang berserakan di seluruh bumi Jawa, di seluruh Hindia, mereka yang bermulut tapi tak bersuara, dan tetap ada hati di pedalaman diri.

"Dengan melawan kita takkan sepenuh kalah," dan nada ucapannya adalah pengetahuan bakal kalah.


Dan kami dihalau tak boleh mendekat! Maka kami hanya dapat melihat makhluk tersayang itu dituntun seperti seekor sapi, dan berjalan lambat-lambat, anak-tangga demi anak-tangga.

Mungkin begini juga perasaan ibu Mama diperlakukan oleh Mama dulu karena tak mampu membelanya dari kekuasaan Tuan Mellema. Tapi bagaimana perasaan Annelies? Benarkah dia sudah melepaskan segalanya, juga perasaannya sendiri?

Aku sudah tak tahu sesuatu. Tiba-tiba kudengar suara tangisku sendiri. Bunda, putramu kalah. Putramu tersayang tidak lari, Bunda, bukan kriminal, biar pun tak mampu membela istri sendiri, menantumu. Sebegini lemah Pribumi di hadapan Eropa? Eropa! kau, guruku, begini macam perbuatanmu? Sampai-sampai istriku yang tak tahu banyak tentangmu kini kehilangan kepercayaan pada dunianya yang kecil — dunia tanpa keamanan dan jaminan bagi dirinya seorang. Hanya seorang.

Sayup-sayup terdengar roda kereta menggiling kerikil, makin lama makin jauh, jauh, akhirnya tak terdengar lagi. Annelies dalam pelayaran ke negeri di mana Sri Ratu Wilhelmina bertahta. Kami menundukkan kepala di belakang pintu.

"Kita kalah, Ma," bisikku.

"Kita telah melawan, Nak, Nyo, sebaik-baiknya, se-hormat-hormatnya." 

Bukakan Pintu Itu

Bukakan pintu itu
untuk membolehkan
aku masuk
& kita membuat perhitungan
seorang sama seorang.

Jaring-jaring besi ini
terlalu ketat
& rapat
engkau yang berdiri di luar
adalah anjing.

Engkau yang pengecut
dengan suara
terlolong-lolong
mencanangkan
kepalsuan.

Pintu itu
akan terbuka jua
jaring-jaring besi
akan reput
dimakan zaman.

& kita akan tetap
bertemu
di mana-mana
memperhitungkan
persoalan!

25hb April 1981.—ARIPIN SAID.

Suara

suara menyinsing
menyahut keluhan merayu
demokrasi tercicir oleh boneka hidup
mengatur bahasa meyakinkan dunia
begitu cermat menyengkam
dengan tauliah kuku besi
nama perwira dan penderhaka disambut
dengan telunjuk nafsu
meresmikan kebebasan di dalam noktah
penindasan dan tapisan
merumuskan gara hidup di dalam
kepalsuan diri
rakyat terbengkalai
negara berderai
kontradiksi persis membungkar

sanir
april 1981

Demokrasi

'Protes terhadap pindaan perlembagaan dan akta pertubuhan

ku lihat demokrasi dilahirkan dengan penuh kesopanan

ku lihat demokrasi diukirkan dalam sejarah perlembagaan

ku lihat demokrasi dilamarkan kepelusuk dunia

tetapi di dalam alam yang berpancaroba ini

ku lihat demokrasi tunduk . . . meniti garisan sepi

ku lihat demokrasi menangis dalam definasi insan

ku lihat demokrasi disedut dalam putaran jahanam

ku lihat demokrasi menentang dan pencabul kemanusiaan

meluakkan baka penindas dan demokrasi tersungkur

ku lihat (dengan hati yang pilu) demokrasi tersungkur

kerana ingin menegak kebenaran di dalam kancah

pemerasan dan ghairah keuntungan

ku lihat (dengan hati yang terbuku) demokrasi layu

di dalam pelukkan penaja yang persis membela kuasa

diri dan lambang keangkuhannya

ku lihat demokrasi mati dipangkuan anak-cucunya

kerana mereka enggan mengerti

tetapi di dalam alam mewirakan rakyat

ku lihat (dengan penuh kemesraan) demokrasi ditatang

dengan manja dan dipupuk dengan tatatertib

oleh manusia yang mengerti nilai kebebasan

ku lihat (dengan penuh cemburu) demokrasi bergerak bebas

memandu jentera kesedaran dan melangkah era penindasan

ku lihat (dengan debaran kagum) demokrasi diabadikan

dalam setiap detikkan insan . . . memujanya lagi

bererti mengangkuhkan diri

begitulah hikmat demokrasi

lantang dilaung-laungkan dalam dunia yang menindas

sumbang dialu-alukan dalam dunia yang adil

sanir
april 1981

'DALLAS': Free Enterprise's Heroes

If the most important art form in a given period is the one which reaches the most people and has the greatest impact on popular consciousness, there is no doubt that television has replaced film as the key molder of social consciousness.

It should come as no surprise, then, that with the economy collapsing and U.S. hegemony abroad increasingly threatened, the networks and their corporate investors have sunk as much money and creative talent as necessary into the development of a new, sophisticated but nonetheless blatantly propagandistic series format.

First came *Dallas*, which went through two years of development in which feedback and evaluation was used to hone and polish what is essentially a glamourized apology for ruling-class ruthlessness and immorality. Now *Dallas* and its despicable hero, oil magnate, J.R. Ewing, are firmly entrenched as cultural staples.

These shows all share a common set of convention which distinguish them in setting, theme and tone from the traditional women-centered Peyton Place type soap opera. They are all set in the South or West, rather than the declining industrial U.S. Northeast. More specifically, the settings are limited to the corporate and domestic domains of a male business magnate and his patriarchal style family of relatives and serf-like employees.

The perspective of these shows is not created by the traditional white washing of personalities of the central characters. Rather, there is a single-minded focus on their realm of activities, to the exclusion of all other aspects in social reality.



*Victoria Principal as Pamela Ewing
Mary Crosby as Kristin, Sue Ellen's sister*

There are no Blacks on these shows. The women in key roles are all defined in terms of their relation to upper class males, either as wives or actual or potential mistresses. And the working-class characters are connected to their employers in a way which precludes any treatment of their lives as separate from those to whom they are economically and morally indebted.

As for the plot lines, they too cleverly avoid the economic and social realities of life under capitalism for all but the capitalists. Wheelings and dealings for oil replace the standard battle against "criminals" which has traditionally been the arena in which tough, macho heroes of popular culture proved themselves, in Westerns and detective dramas.

The shift away from the institutions of law and order (and the related near disappearance of doctors and hospitals as settings for TV series) represents a significant shift in the dominant political and moral tone of US popular culture. The focus on law enforcement

officials presupposed a social battle of "good" against "evil". The new *Dallas* type shows, by focussing exclusively on capitalists as protagonists and antagonists, does away with the concept of morality or social conscience almost entirely.

There are no good guys in these shows. There are only bad guys and not-so-bad guys. The latter are identified, not by white hats, but by an inclination to agonize, now and then, over the plainly stated contradiction between capitalism and conventional morality.

Thus, Bobby Ewing may get drunk and moan that "there must be a way to run Ewing Oil without lying and cheating". But his older, more jaded brother, J.R., invariably and gleefully proves him wrong. And their patriarchal father, self-made man Jock Ewing, stands in the background synthesizing this marginal moral debate with such family sayings as, "Everyone is looking for profit, but we Ewing try to pick on people our own size".

As for the characters themselves, they are shallow and uniformly unpleasant. The men are driven by ambition, greed and a lawlessly competitive code. This applies to their pursuit of women as well as money. There is no desire for affection, companionship, accomplishment or even pride in their compulsive acquisitiveness.

J.R., and several similar figures on other shows, all seem to sniff out an attractive deal or woman with the same bloodhound accuracy, and pursue them with the same mindless aggression. Stealing another man's wife or daughter is done in the same spirit as stealing

any other form of property, and accomplished with the same amoral, winner-take-all sense of inevitability.

VIEW OF WOMEN

The women are similarly shallow and unappealing. When business or another woman takes her husband's attention, a Ewing woman simply falls into the arms of the first interested male who persists for a day or two.

The older, matriarchal characters, while not above such sexual fickleness, spend more energy struggling with their husbands over the parceling out of family property tax and privileges to respective favourite offspring.

This nastiness of spirit is quite different in style from the now fashionable brutal "realism" of recent films about urban violence, in which residents of U.S. low-income communities, especially Blacks and Latinos, are portrayed as malevolent and frightening, in a bestial, vicious way.

These ruling-class villains are never animalistic in this physical sense. Nor are they portrayed as emotionally or mentally deranged. Even in bed, they are well-mannered, coldblooded and scheming, rather than passionate or violent. Indeed, as metaphors, they are more like walking calculators programmed to play a competitive game, than "raging bulls". There is little blood in these shows, and no one is seen getting his hands too dirty physically.

What then, is the viewer meant to come away feeling about these wealthy and powerful heroes? First and foremost these shows present the workings of free enterprise and the character traits necessary to survive within it. There are no legal or moral trapping to conceal or sweeten the ruthless struggle for power and grasping for goods. It is a battle of the weak against the strong, the shrewd against the less shrewd. All human needs are defined in terms of property relations — whether sex, family or

land.

What makes this morally acceptable to the viewer is that it is perceived as a closed and all encompassing universe. The laws of free enterprise seen as immutable and timeless.

What makes it so attractive to the viewer, in spite of the one-dimensional baseness, of the actors, and the limited range of activities and emotions displayed, is the gorgeously seductive settings in which the action takes place. The houses, patios, offices and estates are lush and filled with comfort, delicacies, servants (all smiling and sharing in the comfort and luxury, as well as the sexual and economic hanky panky) and, beautifully clothed and groomed people. Since there are no other sets of values, the audience is seduced for the moment into accepting and vicariously enjoying the life of the rich. **NI**

PRAMOEDYA ANANTA TOER: Bakal Pemenang Hadiah Nobel



BUMI MANUSIA

Novel Yang Dikarang Dalam Tahanan Di Pulau Buru

Edisi Malaysia 'BUMI MANUSIA' terbitan WIRA KARYA mengandungi penjelasan istilah Bahasa Indonesia.

"Dahulu saya tidak berpendapat bahawa karya-karya lama Pramoedya, walaupun mengagumkan, memberikan hak kepadanya untuk menerima Hadiah Nobel. Tetapi, jikalau dia dapat mempertahankan mutu Bumi Manusia dalam jilid-jilid selanjutnya, saya kira pencalonannya memang layak dan harus dipertimbangkan secara serius."

Prof. Dr. A. Teeuw, Universiti Leiden

"Saya sendiri sudah baca seluruh buku ini, isinya baik sekali. BUMI MANUSIA layak menjadi bacaan wajib di sekolah-sekolah dan universiti."

Tun Adam Malik, Naib Presiden Indonesia

Harga Bumi Manusia

(380 halaman):

1-4 naskah: \$12 senaskah

5 + naskah: \$10 senaskah

Tel: (06) 20028

BORANG PESANAN

Sila hantarkan _____ naskah BUMI MANUSIA kepada:

Nama: _____

Alamat: _____

Bersama borang ini, saya sertakan cek/kiriman pos/kiriman wang sebanyak _____
(Kembalikan borang ini kepada: WIRA KARYA, 576A Jln. Tengker, Melaka)

KERIS MAS

Berikut ialah petikan dari ucapan penerimaan Anugerah Sastera Negara oleh Encik Kamaluddin Muhammad di Bangunan Parlimen pada 26 April, 1981.

Izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengemukakan pandangan mengenai kedudukan sastera dalam arena politik. Ada dua aspek yang penting dalam hal ini. Pertama politik sastera dan keduanya sastera politik.

Politik sastera yang saya maksudkan ialah pendirian politik terhadap sastera, yakni polisi mengenal sastera dalam hubungannya dengan kehidupan kebangsaan.

Ini membezakannya dari apa yang dikatakan sastera politik. Sastera politik ialah sastera yang diperalat oleh golongan atau parti politik.

Kita tidak hairan lagi melihat dan mengalami bahawa kegiatan-kegiatan ekonomi, kegiatan buruh, kegiatan sosial, kegiatan kebudayaan, malah kegiatan agama sudah menjadi alat politik setengah-setengah parti atau golongan dalam perjuangan merebut kekuasaan dan pemerintahan negara.

Saya tidak mempersoalkan apakah ini sihat atau tidak dipandang dari sudut kehidupan kebangsaan. Tetapi mengenai sastera saya rasa kita seharusnya menentukan kedudukannya — kedudukan sastera dan segala kegiatannya, di atas dan dikecualikan dari kepentingan politik golongan atau politik parti.

Apabila sastera telah menjadi alat kepentingan politik parti atau golongan maka ia tidak lagi memenuhi fungsinya sebagai pendokong dan pendorong aspirasi bangsa menuju keadilan masyarakat, kemakmuran, perdamaian dan kesejahteraan hidup manusia.

Parti-parti politik adalah organisasi yang memperjuangkan sesuatu menerusi kekuasaan politik dan menggunakan juga sesuatu itu untuk mencapai kekuasaan.

Kesusasteraan dalam keadaan begini mudah menjadi alat propaganda yang walaupun mungkin menegakkan sesuatu kebenaran tetapi mungkin pula bukan seluruh kebenaran, mungkin menegakkan kebenaran politik sesuatu golongan yang dianggap kepalsuan oleh golongan yang lain.

Keadaan-keadaan beginilah yang saya maksudkan dengan sastera politik, yakni sastera yang dipergunakan untuk memperkuat perjuangan politik sesuatu golongan atau parti tertentu.

Sastera politik dapat berfungsi hanya bila kepentingan nasional mengatasi kepentingan golongan atau parti. Tiga puluh tahun yang lalu sastera kita pernah diperalatkan untuk kepentingan politik.

Politik waktu itu adalah politik kemerdekaan yang diperjuangkan oleh semua golongan dan parti.

Sastera mengambil peranan untuk membuka mata,

menyedarkan tiap orang, baik rakyat mahupun pemimpin, yang terlibat atau tidak terlibat dalam perjuangan parti politik, terhadap keburukan dan kebusukan penjajahan dan alat-alatnya mendorong dan membangkitkan jiwa masyarakat untuk menentang penjajah yang buruk itu di samping menumbuhkan unsur-unsur keberanian dan ketabahan untuk menegakkan sebuah negara merdeka.

Inilah yang dilaungkan menjadi slogan *Sastera Untuk Masyarakat*, sastera alat untuk mencapai kemerdekaan yang menjadi jambatan ke arah, keadilan masyarakat, kemakmuran, keamanan yang kesejahteraan hidup manusia.

Pada zaman ini bila kepentingan golongan atau kepentingan parti kadang-kadang mengatasi kepentingan nasional, sastera politik tidak berfungsi lagi.

Kemungkinan sastera menjadi alat mempertahankan kepentingan parti atau golongan menjadi lebih daripada alat cita-cita nasional dan masyarakat.

Maka dalam keadaan begini kita seharusnya menentukan sikap politik bangsa kita dan negara kita terhadap sastera. Sikap politik terhadap sastera ini perlu, pertamanya, untuk menjaga kesusasteraan itu tetap menjadi alat menegakkan kebenaran tentang nilai-nilai yang sesuai dan diperlukan untuk mencapai keadilan masyarakat, kemakmuran, perdamaian dan kesejahteraan manusia.

Keduanya, untuk menumbuhkan faham perpaduan kebangsaan, mengurangkan jurang perpecahan kebangsaan yang ditimbulkan oleh politik berbagai parti dan golongan.

Ketiganya, untuk menjamin kebebasan berfikir dan mencipta dalam kalangan sasterawan. Dan, keempatnya, untuk memberikan suasana bernafas yang segar bagi kesusasteraan untuk terus berkembang dan maju.

Menentukan sikap terhadap sastera ini saya namakan politik sastera. Sebenarnya sastera Melayu sepanjang hayatnya telah terlibat, memberikan erti untuk mempertahankan di samping mengemukakan dan mengembangkan nilai-nilai kebenaran, nilai hakiki yang perlu dijunjung dan dihayati oleh masyarakat dan manusia Melayu seluruhnya dan bukan oleh golongan-golongan tertentu. . .

Saya menganjurkan supaya kita memegang satu konsep politik sastera yang teguh, yang hanya berpihak kepada yang benar, menjunjung dan mempertahankan kebenaran yang hakiki.

Dan saya menganjurkan juga supaya kita menentang sebarang percubaan untuk menjadi sastera itu sastera politik yang menjadi alat untuk kepentingan perjuangan politik parti atau golongan tertentu. **NI**

ABSURD...
... LIKE ALL WARS...




STUPID ANIMAL, MAN....

... IT'S DIFFICULT TO BE
MOVED ANY LONGER...

SO MUCH USELESS FANATICISM...

... AND ALL FOR WHAT?



IT'S ALMOST LAUGHABLE, ALL THIS....

HEY! WHAT'S
THAT?



OH, NO!
THE REFINERY!
THEY'VE RUINED MY
REFINERY!
OH, GOD! OH.....!





Sinar Pagi

Di balik gunung biru menghijau berbalam-balam,
Di hujung lautan lepas saujana mata memandang,
Dalam liuk lampai daun-daun menari,
Dengan belaian angin nyaman bertiup lembut,
Segalanya membangkitkan jiwa memberi bakti,
Dalam ayunan mesra sinar pagi.

Pandangan yang kelam-kelam samar,
Dibalut kabus tebal putih-putih,
Kian menipis dipanah sinar,
Maka datang terang membawa hasrat berjuang.

Dalam jiwa yang gagah perwira,
Tidak ingin ditindak-tindas bersuara:
Tak ada perjuangan yang tak ada penderitaan,
Tak ada kemenangan yang tak ada perjuangan,
Tak ada kemerdekaan yang tak ada pengorbanan!

Sebak melonjak darah di jiwa yang bergelora,
Nyala menjulang api membakar semangat bangsa,
Terang dimandikan sinar pagi yang murni,
Semuanya membawa hasrat menuju merdeka abadi.

Usman Awang